





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SABAH

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SABAH

SIRI 2

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN KERJA RAYA Pengurusan Penyenggaraan Kuarters	3
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR Program Peningkatan Ekonomi	19
<i>SABAH ECONOMIC DEVELOPMENT & INVESTMENT AUTHORITY</i> Pengurusan Penyediaan Infrastruktur Asas Hub Pendidikan Sandakan	37
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI Pengurusan Cukai Jualan Minyak Mentah Kelapa Sawit	54
PENUTUP	67



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sabah.


2. Pada tahun 2014 ini Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan turut membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk melakukan perubahan peningkatan kesejahteraan rakyat dan menyokong Dasar Transformasi Negara demi mencapai matlamat utama sebagai negara maju dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 untuk sesi pembentangan ke dua tahun 2014 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat Kerajaan.

3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini.

Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 12 syor untuk diambil tindakan Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
3 Mei 2014



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN KERJA RAYA

- Pengurusan Penyenggaraan Kuarters

1.1. Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sabah bertanggungjawab untuk menyenggara kuarters miliknya. Objektif penyenggaraan adalah untuk memelihara kuarters agar ia dapat digunakan dan selamat dihuni. Sehingga tahun 2013, sebanyak 2,277 unit kuarters telah didaftarkan dalam IBDS dan dikelaskan kepada 5 divisyen iaitu Divisyen I, II, III, IV dan *Artisan Line*. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 mentafsirkan penyenggaraan sebagai “satu kombinasi tindakan atau langkah yang diambil untuk mengekal atau membaik pulih sesuatu sumber fizikal dalam keadaan berfungsi dan selamat”. Ini bermakna sesuatu sumber fizikal atau komponennya perlu disenggarakan dengan teratur supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa digunakan. Penyenggaraan dibahagikan kepada 2 iaitu Penyenggaraan Pemulihan dan Penyenggaraan Pencegahan. Kedua-dua penyenggaraan ini penting untuk menentukan kuarters dapat digunakan dengan selamat untuk jangka masa panjang. Tumpuan hendaklah diberi kepada penyenggaraan pencegahan supaya dapat meminimumkan berlakunya kerosakan yang lebih serius.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013 mendapati, JKR telah menjalankan kerja penyenggaraan kuarters dengan memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Pemeriksaan Tahunan Tidak Dilaksanakan.
- Kerja Penyenggaraan Tidak Sempurna.
- Kemudahan Kuarters Tidak Disenggara.
- Pencerobohan Kuarters.
- Kepuasan Penghuni Kuarters.

1.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi kelemahan yang telah dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan agar langkah segera diambil seperti berikut;

1.3.1. Pemeriksaan tahunan hendaklah dibuat bagi memastikan kuarters yang memerlukan penyenggaraan segera diambil tindakan sewajarnya.

1.3.2. Merancang dan melaksanakan penyenggaraan secara pencegahan dan berjadual bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius.

1.3.3. Mengambil langkah-langkah keselamatan bagi mencegah pencerobohan kuarters daripada berlaku. Di samping itu, laporan Polis hendaklah dibuat dengan segera terhadap pencerobohan kuarters.

2. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

- Program Peningkatan Ekonomi

2.1. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) ditubuhkan pada 17 November 1995 dan bertanggungjawab terhadap semua aktiviti dan program yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan. Mengikut statistik Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah, bilangan Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) di Negeri Sabah setakat 31 Disember 2013 adalah seramai 20,996 orang. Miskin tegar didefinisikan sebagai golongan yang mempunyai pendapatan garis kemiskinan makanan bernilai RM670 sebulan bagi tahun 2013. Program Peningkatan Ekonomi (PPE) merupakan salah satu Program Pembasmian Kemiskinan yang dilaksanakan oleh pihak KPLBS yang merujuk kepada projek berskala kecil yang tertumpu kepada bidang pertanian, perikanan dan penternakan haiwan bagi tujuan meningkatkan pendapatan peserta. Pada tahun 2013, PPE telah diganti kerana pihak KPLBS mendapati prestasi peserta dan kesinambungan projek adalah lebih berjaya jika diusahakan secara bersepadu iaitu dengan melaksanakan 2 aktiviti dalam 1 program yang dipanggil MESEJ Bersepadu. Bagi tahun 2011 dan 2012, sejumlah RM9.87 juta peruntukan kewangan untuk Program Pembasmian Kemiskinan bagi PPE telah diluluskan manakala perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM9.65 juta melibatkan 84 projek.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Oktober 2013 mendapati pengurusan PPE adalah memuaskan kerana 16 atau 64% daripada 25 sampel projek yang melibatkan 216 peserta berjaya diteruskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Projek Gagal Diteruskan.
- Projek Belum Beroperasi.
- Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi Dan Peralatan Tidak Dapat Digunakan.
- Kemudahan Yang Disediakan Tidak Lengkap.

2.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi masalah yang dibangkitkan agar tidak berulang, pihak Audit mengesyorkan agar KPLBS dapat mengambil langkah-langkah seperti berikut:

2.3.1. Mengkaji semula punca kegagalan projek PPE yang dilaksanakan dan mengambil tindakan penambahbaikan bagi projek akan datang.

2.3.2. Memastikan perolehan kerja dan peralatan yang dilaksanakan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan sebelum pembayaran dilakukan.

2.3.3. Memastikan projek yang dilaksanakan disediakan dengan kemudahan yang lengkap untuk peserta agar projek dapat berjalan dengan lancar.

2.3.4. Memastikan peserta diberikan tunjuk ajar mengenai pusingan modal agar peserta mahir menguruskan kewangan dan projek dapat diteruskan.

2.3.5 Memastikan jawatankuasa pemantauan diperingkat kementerian dan daerah memainkan peranan dengan berkesan agar permasalahan projek dapat ditangani dengan segera.

3. SABAH ECONOMIC DEVELOPMENT & INVESTMENT AUTHORITY

- Pengurusan Penyediaan Infrastruktur Asas Hub Pendidikan Sandakan

3.1. Hub Pendidikan Sandakan [*Sandakan Education Hub* (SEH)] merupakan projek yang berkonsepkan penubuhan pusat pendidikan dan institusi pengajian tinggi di kawasan pantai Timur Sabah. Lokasi SEH terletak di Sungai Batang, Batu 10, Sandakan meliputi kawasan seluas 500 hektar merangkumi institusi pendidikan awam dan sawsta. Sebelum wujudnya pelbagai institusi pendidikan di kawasan SEH, keperluan kemudahan infrastruktur asas hendaklah disediakan terlebih dahulu. Projek Penyediaan Infrastruktur Asas SEH telah mula dilaksanakan melalui kaedah Reka Dan Bina pada 01 Jun 2009 terdiri daripada 5 pakej (jalan raya, sistem pembentungan, perparitan, bekalan tenaga elektrik dan telekomunikasi) bernilai RM181.48 juta dan Kerja-kerja Bekalan Air bernilai RM18.99 juta di mana projek ini dibawah tanggungjawab Kementerian Kewangan Negeri Sabah bagi pembiayaan peruntukan Negeri dan *Sabah Economic Development And Investment Authority* (SEDIA) bagi pembiayaan peruntukan Persekutuan.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2013 mendapati pada umumnya penyediaan infrastruktur asas Hub Pendidikan Sandakan (SEH) adalah memuaskan kerana telah disiapkan dalam tempoh yang diluluskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan penyediaan infrastruktur asas dan pemantauan projek seperti berikut:

- Kerja pembinaan kurang berkualiti.
- Peralatan kurang dibekalkan dan kerja tidak mengikut spesifikasi.
- Kemudahan yang disediakan tidak digunakan.

3.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi kelemahan yang telah dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan agar langkah segera diambil seperti berikut;

3.3.1. Memastikan semua kerja pembinaan disiapkan dan peralatan dibekalkan sepenuhnya seperti mana disenaraikan dalam *Bill Of Quantities*. Pengesahan siap kerja hendaklah dibuat dengan teliti sebelum pembayaran diluluskan.

3.3.2. Agensi Pemantau hendaklah membuat pemeriksaan di tapak bina untuk mengesahkan laporan kemajuan yang dikemukakan. Selain itu, mengambil tindakan supaya kontraktor membuat pembaikan dengan segera terhadap semua kecacatan, kekurangan dan kerosakan dalam tempoh kecacatan sebagaimana terma kontrak.

3.3.3. Memastikan koordinasi antara agensi dalam penyediaan perancangan kemudahan asas yang perlu dibangunkan.

4. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI

- Pengurusan Cukai Jualan Minyak Mentah Kelapa Sawit

4.1. Di bawah Jadual Kesepuluh, Bahagian V, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak diberi kuasa mengenakan cukai jualan Negeri sebagai salah satu sumber tambahan hasil Negeri. Bagi maksud tersebut, Kerajaan Negeri Sabah telahewartakan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 (ECJN) dan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999 (PPCJN). Tiga jenis cukai jualan yang dikenakan ialah minyak mentah kelapa sawit (CPO), tiket loteri dan mesin judi. Mengikut Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 1999, bermula 1 April 1999, kadar cukai jualan yang dikenakan terhadap CPO adalah sebanyak 7.5% daripada jualan isipadu (tan metrik) berdasarkan harga purata yang disiarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) tertakluk kepada harga purata CPO melebihi RM1,000. Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri yang dilantik sebagai Pengarah Cukai Jualan Negeri mengikut seksyen 3(1) ECJN mempunyai kuasa mengurus kutipan cukai jualan Negeri dan melaksanakan peruntukan dalam ECJN dan PPCJN. Pada tahun 2013, kutipan cukai jualan terhadap CPO menyumbang hasil tertinggi berjumlah RM1,008.66 juta bersamaan 91% daripada jumlah hasil cukai jualan dan menjadi sumber terbesar pendapatan Kerajaan Negeri Sabah.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 dan beberapa lawatan susulan mendapati, pengurusan lesen cukai jualan minyak mentah kelapa sawit telah dilaksanakan dengan baik kerana semua kilang kelapa sawit telah dilesenkan dan cukai jualan dapat dikutip. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dari segi kutipan cukai jualan dan pemantauan pelesenan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Penyata cukai jualan tidak ada dokumen sokongan.
- Maklumat jualan CPO berbeza dengan Penyata MPOB.
- Lesen dikeluarkan tanpa cagaran.
- Kilang beroperasi di lokasi berbeza dengan lesen.
- Program pemantauan pelesen tidak disediakan.

4.3. Bagi memantapkan pengurusan kutipan cukai jualan minyak mentah kelapa sawit, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan Negeri Sabah (Kementerian) mengkaji semula kaedah pengurusan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti Cukai Jualan Negeri supaya tahap pengurusannya dapat dipertingkatkan.



AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN KERJA RAYA

1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN KUARTERS

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sabah bertanggungjawab untuk menyenggara kuarters milik Kerajaan Negeri Sabah. Objektif penyenggaraan adalah untuk memelihara kuarters agar ia dapat digunakan dan selamat dihuni. Maklumat berkaitan penyenggaraan seperti keadaan bangunan dan penyenggaraan yang telah dilaksanakan disimpan di pangkalan data yang dinamakan *Integrated Building Database System* (IBDS). Sehingga tahun 2013, sebanyak 2,277 unit kuarters telah didaftarkan dalam IBDS dan dikelaskan kepada 5 divisyen iaitu Divisyen I, II, III, IV dan *Artisan Line*. Bilangan kuarters mengikut divisyen di 26 daerah di Sabah adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Bilangan Kuarters Mengikut Divisyen Di 26 Daerah Negeri Sabah

Bil.	Daerah	Divisyen				Artisan Line	Jumlah
		I	II	III	IV		
1	Beaufort	8	15	40	0	63	126
2	Beluran	4	5	13	13	24	59
3	Kota Kinabalu	81	34	45	120	36	316
4	Kota Belud	7	10	25	10	32	84
5	Keningau	20	31	55	9	65	180
6	Kudat	8	15	50	0	57	130
7	Matunggong	1	6	12	8	4	31
8	Pulau Banggi	1	2	10	0	8	21
9	Kunak	1	5	13	1	18	38
10	Kota Kinabatangan	2	6	14	0	12	34
11	Kota Marudu	2	5	14	6	24	51
12	Kuala Penyu	1	5	22	0	14	42
13	Lahad Datu	8	22	41	10	79	160
14	Tungku	1	6	13	0	24	44
15	Papar	2	8	14	0	22	46
16	Pitas	2	4	13	0	12	31
17	Penampang	0	0	0	0	0	0
18	Ranau	3	6	16	2	48	75
19	Sandakan	21	34	46	0	81	183
20	Sipitang	3	3	10	9	22	47
21	Semporna	2	5	31	0	29	67
22	Tambunan	2	5	5	6	28	46
23	Tawau	18	20	55	16	115	224
24	Telupid	12	8	21	0	72	113
25	Tuaran	2	3	16	0	22	43
26	Tenom	5	10	31	4	36	86
Jumlah		217	273	625	214	948	2,277

Sumber: Jabatan Kerja Raya

1.1.2. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 mentafsirkan penyenggaraan sebagai “satu kombinasi tindakan atau langkah yang diambil untuk mengekal atau membaik pulih sesuatu sumber fizikal dalam keadaan berfungsi dan selamat”. Ini bermakna sesuatu sumber fizikal atau komponennya perlu disenggarakan dengan teratur supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa digunakan. Penyenggaraan dibahagikan kepada 2 iaitu Penyenggaraan Pemulihan dan Penyenggaraan Pencegahan. Kedua-dua penyenggaraan ini penting untuk menentukan kuarters dapat digunakan dengan selamat untuk jangka masa panjang. Tumpuan hendaklah diberi kepada penyenggaraan pencegahan supaya dapat meminimumkan berlakunya kerosakan yang lebih serius.

1.1.3. Peruntukan dan perbelanjaan penyenggaraan kuarters di bawah vot perbelanjaan mengurus Pembaharuan Dan Penyenggaraan Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan Kuarters
Bagi Tahun 2011 hingga 2013

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
2011	32.8	30.3	92.81
2012	32.6	24.0	73.62
2013	28.8	27.6	95.83

Sumber: Jabatan Kerja Raya

1.1.4. Cawangan Senggara Bangunan adalah bertanggungjawab untuk menyenggara kuarters, pembinaan bangunan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, kerja pengubahsuaian dan membaik pulih bangunan. Cawangan ini diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Gred J48 dan dibantu oleh 34 orang kakitangan daripada gred J41 hingga R3. Pelaksanaan penyenggaraan kuarters diletakkan di bawah kendalian Unit Bangunan di setiap daerah.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan kuarters Kerajaan Negeri oleh JKR di Negeri Sabah telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektifnya.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi kerja penyenggaraan kuarters yang diselia oleh Cawangan Senggara Bangunan bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JKR dan lawatan Audit telah dilakukan ke cawangan di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Kota Belud. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja dan dokumen yang berkaitan di Ibu Pejabat dan cawangan di daerah yang berkaitan. Lawatan ke kuarters juga telah dilakukan. Selain itu, analisis maklumat yang diperolehi

melalui soal selidik terhadap penghuni kuarters dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan penyenggaraan kuarters turut dilakukan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013 mendapati pengurusan kerja penyenggaraan kuarters adalah memuaskan dari segi perolehan kerja yang dibuat mengikut peraturan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Pemeriksaan tahunan tidak dilaksanakan.
- Kerja penyenggaraan tidak sempurna.
- Kemudahan kuarters tidak disenggara.
- Pencerobohan kuarters.
- Kepuasan penghuni kuarters

1.4.1. Prestasi Penyenggaraan

1.4.1.1. Pelan operasi dan penyenggaraan hendaklah disediakan bagi merancang aktiviti tahunan operasi dan penyenggaraan kuarters. Pelaksanaan penyenggaraan perlu mematuhi perancangan ditetapkan. JKR bertanggungjawab untuk merancang pelan penyenggaraan kuarters milik Kerajaan Negeri Sabah agar ia dapat diguna dan selamat untuk dihuni. Pihak Audit mendapati, JKR tidak menetapkan sasaran penyenggaraan tahunan dan penyenggaraan atau pembaikan kuarters akan dibuat berdasarkan aduan kerosakan yang diterima. Maklumat mengenai bilangan dan status penyenggaraan kuarters adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3

Bilangan Dan Status Penyenggaraan Kuarters Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Bil.	Perihal Kuarters	Kategori Kuarters				Bilangan	Kos Penyenggaraan (RM Juta)
		I	II	III	IV & Artisan Line		
1.	Kuarters telah disenggara	81	229	629	636	1,575	81.9
2.	Kuarters belum disenggara	129	81	140	672	1,022	8.5
3.	Untuk dilupuskan	10	16	22	18	66	
Jumlah		217	273	625	1,162	2,277	90.4

Sumber: *Integrated Building Database System*

1.4.1.2. Berdasarkan **Jadual 1.3**, bagi tempoh 2011 hingga 2013 JKR telah menyenggara 1,575 atau 71.2% daripada 2,277 kuarters milik Kerajaan Negeri Sabah. Bilangan kuarters yang belum disenggara adalah 1,022 unit atau 46.2%. JKR merancang untuk melupuskan 66 unit kuarters yang telah disahkan Tidak Ekonomi Dibaiki (TEB) dan telah berusia lebih 40 tahun.

1.4.2. Perolehan Kerja Penyenggaraan

1.4.2.1. Proses penyenggaraan kuarters bermula apabila JKR daerah menghantar borang *submission* iaitu cadangan penyenggaraan ke Cawangan Senggara Bangunan di Ibu Pejabat untuk dipertimbangkan. Borang *submission* ini akan melalui peringkat Cawangan Senggara Bangunan, Cawangan Korporat dan *Quantity Surveyor* sebelum dikembalikan ke daerah bagi memanggil sebutharga dan memulakan kerja. JKR Daerah akan memulakan kerja setelah menerima kelulusan melalui *Works Order* yang dihantar dan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan sebutharga, menyelia serta mengesahkan kerja disiapkan dengan memuaskan. Semakan Audit terhadap 30 daripada 50 *Works Order* pada 18 Jun 2013 di Kota Kinabalu dan 20 daripada 40 *Works Order* pada 19 Julai 2013 di Sandakan mendapati *Works Order* telah disediakan dengan teratur.

1.4.2.2. Mengikut tatacara perolehan Kementerian Kewangan Negeri, had nilai bagi perolehan terus adalah tidak melebihi RM20,000. Bagi sebut harga, had nilai perolehan adalah melebihi RM20,000 tapi di bawah RM250,000. Kecuali jika dibenarkan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Negeri Sabah selaku Pegawai Kewangan Negeri, tender mestilah dipelawa bagi perolehan yang melebihi RM250,000.

1.4.2.3. JKR akan mempelawa sebut harga dan tender bagi kerja penyenggaraan yang masing-masing bernilai lebih RM20,000 dan RM250,000. Proses sebut harga akan dimulakan dan dipelawa di JKR Daerah manakala tender diuruskan oleh Ibu Pejabat. Bilangan dan kaedah perolehan penyenggaraan kuarters bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Bilangan Dan Kaedah Perolehan

Tahun	Bilangan Sebutharga	Kos (RM Juta)	Bilangan Tender	Kos (RM Juta)
2011	195	9.6	3 (PS)	5.9
2012	141	6.2	3 (PS)	4.6
2013	214	7.0	3 (PS)	6.0
Jumlah	550	22.8	9	16.5

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Nota: PS – Projek Sambungan

1.4.2.4. Berdasarkan Jadual di atas JKR telah melaksanakan 550 sebut harga dan 9 tender yang masing-masing bernilai RM 22.8 juta dan RM 16.5 juta bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Semakan Audit terhadap 439 sebut harga dan 6 tender di daerah mendapati JKR telah mematuhi peraturan berkaitan perolehan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit perolehan sebut harga bagi penyenggaraan kuarters di 5 daerah yang dilawati adalah teratur.

1.4.4. Pemeriksaan Tahunan Tidak Dilaksanakan

1.4.4.1. Perintah Am Negeri Sabah, Bab E, Perkara V. Tanggungjawab Jabatan Kerja Raya, perkara 31 menetapkan tanggungjawab JKR untuk memeriksa semua rumah dan bangunan Kerajaan di setiap daerah setahun sekali dan membaikinya sebagaimana yang diperlukan. Pemeriksaan Audit mendapati, bagi tempoh 2011 hingga 2013, JKR tidak menjalankan pemeriksaan terhadap semua kuarters seperti dikehendaki peraturan. Pemeriksaan yang telah dijalankan JKR adalah bagi menyelia kerja penyenggaraan yang dilaksanakan. Ini menyebabkan penilaian keperluan penyenggaraan keseluruhan kuarters tidak dapat ditentukan.

1.4.4.2. Berdasarkan maklum balas pada 7 Februari 2014, Cawangan Senggara Bangunan telah mengadakan pemeriksaan dengan melawat beberapa daerah terpilih untuk memeriksa secara rawak kuarters di daerah terbabit. Ibu Pejabat JKR telah mengarahkan kepada JKR daerah untuk menjalankan pemeriksaan tahunan kuarters dan bangunan Kerajaan di bawah kawalan.

Pada pendapat Audit penilaian keadaan kuarters oleh JKR tidak memuaskan kerana pemeriksaan tahunan tidak dijalankan.

1.4.5. Kualiti Kerja Penyenggaraan

1.4.5.1. Kerja penyenggaraan kuarters hendaklah dilaksanakan dengan sempurna seperti syarat kontrak dan boleh digunakan dengan baik. Pemeriksaan Audit di kuarters Kota Kinabalu pada 18 Jun 2013 dan 19 Julai 2013 di kuarters Sandakan mendapati, 12 kerja tidak dilaksanakan dengan sempurna menyebabkan berlakunya cat mengelupas, resapan air, keretakan struktur, *sliding door* berongga dan paip sinki longgar. Contoh kerja yang tidak dilaksanakan dengan sempurna adalah seperti di **Jadual 1.5** dan **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.16**.

Jadual 1.5
Kerja Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna

Bil.	Daerah	Lokasi	Tarikh Siap	Kerja Tidak Sempurna
1.	Kota Kinabalu	Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan	31.03.2013	Kepala paip longgar seperti di Gambar 1.1 . Bilah kipas tidak dipasang seperti di Gambar 1.2 . <i>Sliding window</i> berongga seperti di Gambar 1.3 dan Gambar 1.4 . Cat mengelupas seperti Gambar 1.5 . Resapan air seperti di Gambar 1.6 dan Gambar 1.7 . Keretakan struktur seperti di Gambar 1.8 hingga Gambar 1.10 .

Bil.	Daerah	Lokasi	Tarikh Siap	Kerja Tidak Sempurna
				<i>Handrail</i> berkarat seperti di Gambar 1.11 . Singki dipasang tertanggal seperti di Gambar 1.12 . Pemasangan bar seperti di Gambar 1.13 . Air meresap selepas kerja menampal seperti di Gambar 1.14 .
2.	Sandakan	Jalan Balai Polis PWD 2050, Taman Sunny Estate	09.06.2011	Air meresap walaupun siling diganti seperti di Gambar 1.15 . Base pagar tidak rata seperti di Gambar 1.16 .

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 1.1
Kepala Paip Longgar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.2
Bilah Kipas Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.3
Sliding Window Berongga



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.5
Cat Menggelupas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.6
Resapan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.7
Resapan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.8
Keretakan Struktur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.9

Keretakan Struktur




Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.11
Handrail Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.12
Singki Dipasang Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.13
Pemasangan Bar Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.14
Air Meresap Setelah Kerja Menampal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.15
Resapan Air Di Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Jalan Balai Polis, Sandakan
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 1.16
Base Pagar Tidak Rata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PWD 2050, Taman Sunny Estate, Sandakan
Tarikh: 19 Julai 2013

1.4.5.2. Skop kerja penyenggaraan di 2 daerah tersebut adalah seperti mengecat, mengganti *handrail*, menampal dinding, mengganti paip dan sinki, mengganti *sliding window* dan membina pagar. Semasa pengauditan, kerja-kerja ini masih dalam tempoh jaminan. Perkara ini berlaku disebabkan *Superintendent Officer Representative* (SOR) tidak memantau dan mengesahkan kerja yang dilaksanakan dengan teliti. Kesannya, penghuni tidak dapat menikmati kemudahan yang sempurna dan akan merugikan Kerajaan jika kecacatan tidak dibaiki dalam tempoh jaminan ditetapkan.

1.4.5.3. **Berdasarkan maklum balas pada 7 Februari 2014, tindakan telah diambil terhadap kerja-kerja yang tidak sempurna.** Bagaimanapun, sehingga kini pihak JKR belum mengemukakan bukti tindakan pembaikan yang telah diambil selepas teguran Audit terhadap kesemua kerja penyenggaraan kemudahan kuarters yang tidak sempurna.

Pada pendapat Audit, JKR tidak memantau dan membuat pengesahan dengan teliti untuk memastikan kerja-kerja dilaksanakan dengan sempurna dan mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan.

1.4.6. Kawasan Kuarters Tidak Disenggara

1.4.6.1. Objektif penyenggaraan adalah untuk memelihara keadaan kuarters agar ia dapat digunakan dan selamat diduduki. JKR bertanggungjawab memastikan kemudahan yang terdapat di kuarters seperti sistem saliran, lampu, pagar, dan lain-lain disenggara dengan baik untuk keselesaan penghuni.

1.4.6.2. Pemeriksaan Audit mendapati kawasan sekitar di beberapa kuarters yang dihuni di Kota Kinabalu dan Kota Belud mengalami kerosakan dan tidak disenggara. Keadaan ini berlaku disebabkan JKR tidak merangka program penyenggaraan bagi keseluruhan kuarters dan bergantung kepada aduan penghuni serta peruntukan yang diberikan. Ini memberi kesan kepada kebersihan persekitaran dan ketidakselesaan penghuni. Selain itu, jika dibiarkan kos penggantian atau pembaikan yang tinggi terpaksa ditanggung Kerajaan. Antara kemudahan kuarters yang rosak dan tidak disenggara adalah seperti di **Jadual 1.6** dan **Gambar 1.17** hingga **Gambar 1.30**.

Jadual 1.6
Kemudahan Kwarters Tidak Disenggara

Bil	Lokasi	Keadaan Fizikal
1.	Kota Belud	Busut anai-anai di bawah rumah seperti di Gambar 1.17 dan Gambar 1.18 .
2.	Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan, Kota Kinabalu	Rumput tidak dipotong seperti di Gambar 1.19 .
3.		Kawasan pembuangan sampah tidak dibersihkan seperti di Gambar 1.20 .
4.		Sistem pengairan tidak dibuat seperti di Gambar 1.21 .
5.		Tempat pembakaran sampah terbuka seperti di Gambar 1.22 .
6.		Pagar berlubang seperti di Gambar 1.23 .
7.		Lantai pecah seperti di Gambar 1.24 .
8.		Longkang kotor seperti di Gambar 1.25 . Kerja pembersihan longkang telah dilaksanakan seperti di Gambar 1.26 .
9.		Kebocoran tandas dan saluran kumbahan seperti di Gambar 1.27 .
10.	Kwarters <i>Rose Garden</i> , Penampang, Kota Kinabalu	Tingkap pecah seperti di Gambar 1.28 .
11.	Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan, Kota Kinabalu	Air di longkang tidak mengalir seperti di Gambar 1.29 .
12.		Kerja pembersihan longkang telah dilaksanakan seperti di Gambar 1.30 .

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Gambar 1.17
Busut Anai-anai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kota Belud
Tarikh: 5 Julai 2013

Gambar 1.18
Busut Anai-anai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kota Belud
Tarikh: 5 Julai 2013

Gambar 1.19
Rumput Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.20
Kawasan Pembuangan Sampah Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.21
Sistem Pengairan Tidak Dibuat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Sandakan
Tarikh: 18 Julai 2013

Gambar 1.22
Tempat Pembakaran Sampah Terbuka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.23
Pagar Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.24
Lantai Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.25
Longkang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.26
Kerja Pembersihan Longkang Telah Dilaksanakan



Sumber: JKR Negeri Sabah
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan

Gambar 1.27
Kebocoran Tandas Dan Saluran Kumbahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.28
Cermin Tingkap Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Quarters Rose Garden, Penampang
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.29
Air Di Longkang Tidak Mengalir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 1.30
Kerja Pembersihan Longkang Telah Dilaksanakan



Sumber: JKR Negeri Sabah
Tempat: Kompleks Perumahan Flat JKR, Putatan

1.4.6.3. Berdasarkan maklum balas pada 7 Februari 2014, kemudahan kuarters yang rosak telah dibaiki. JKR memaklumkan telah membuat soal selidik berkenaan penyelesaian penghuni kuarters sejak 2 tahun yang lalu. Aduan berkaitan dengan kuarters boleh dibuat terus kepada Pejabat atau melalui website JKR. Bagaimanapun, sehingga kini pihak JKR hanya mengemukakan bukti tindakan pembaikan longkang di Kompleks Perumahan Flat JKR Putatan yang telah diambil selepas teguran Audit.

Pada pendapat Audit penyenggaraan kemudahan kuarters tidak memuaskan kerana pemeriksaan bagi mengenalpasti kerosakan tidak dijalankan hingga menjejaskan penyelesaian penghuni.

1.4.7. Keselamatan Dan Maklum Balas Penghuni

JKR bertanggungjawab ke atas keselamatan kuarters milik Kerajaan Negeri Sabah. Oleh itu, langkah keselamatan seperti pemasangan pagar dan papan tanda hendaklah diambil untuk mencegah dari berlakunya kerosakan, pencerobohan, kecurian dan keselamatan harta Kerajaan.

1.4.5.1. Pencerobohan Kuarters

- a. Lawatan Audit mendapati, 2 kawasan kuarters masing-masing di daerah Sandakan dan Tawau telah diduduki oleh penghuni yang tidak dibenarkan. Bagaimanapun, JKR tidak melaporkan pencerobohan ini kepada pihak Polis untuk tindakan pengusiran. Keadaan kuarters yang diceroboh di daerah Sandakan dan Tawau adalah seperti di **Jadual 1.7** dan **Gambar 1.31** hingga **Gambar 1.36**.

Jadual 1.7
Pencerobohan Kuarters JKR

Bil.	Lokasi	Keadaan Fizikal
1.	Batu 1 ½, Sandakan	Diceroboh seperti di Gambar 1.31 hingga Gambar 1.33 .
2.	Taman Sunny Estate, Sandakan	Pencerobohan kuarters seperti di Gambar 1.34 dan Gambar 1.35 .
3.	Jalan Bengkel, Tawau	Diceroboh dan diduduki secara tidak sah seperti di Gambar 1.36 .

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 1.31
Pencerobohan Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Batu 1 ½, Sandakan
Tarikh: 18 Julai 2013

Gambar 1.32
Pencerobohan Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Batu 1 ½, Sandakan
Tarikh: 18 Julai 2013

Gambar 1.33
Pencerobohan Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Batu 1 ½, Sandakan
Tarikh: 18 Julai 2013

Gambar 1.34
Pencerobohan Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Taman Sunny Estate, Sandakan
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 1.35
Pencerobohan Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Taman Sunny Estate, Sandakan
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 1.36
Pencerobohan Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Jalan Bengkel, Tawau
Tarikh: 5 September 2013

- b. Perkara ini berlaku disebabkan langkah-langkah awal mencegah pencerobohan seperti membina pagar di sekeliling kuarters dan meletakkan papan tanda kuarters Kerajaan Negeri tidak dilakukan. Selain itu, pihak JKR tidak melaporkan dengan segera pencerobohan yang dilakukan oleh penghuni yang tidak dibenarkan kepada pihak Polis dan Imigresen. Kesannya, pemohon yang layak tidak mendapat peluang menduduki kuarters yang disediakan dan pencerobohan ini juga menjejaskan imej Kerajaan.
- c. Berdasarkan maklum balas pada 7 Februari 2014, JKR menyatakan kawasan kuarters perlu dipagar menggunakan *brick wall* bagi mengelakkan pencerobohan daripada berlaku. Namun, pembinaan pagar tersebut memerlukan kos yang tinggi.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah memberi keutamaan kepada keselamatan kuarters kerajaan bagi mengelakkan pencerobohan.

1.4.5.2. Kepuasan Penghuni Kuarters

- a. Kuarters hendaklah disenggara secara berkala agar dapat meminimumkan kerosakan, memanjangkan jangka hayat dan kegunaannya dapat dioptimumkan bagi memberi keselesaan kepada penghuni. Bagi mendapatkan maklum balas mengenai keadaan kuarters serta kerja penyenggaraan, soal selidik telah diedarkan kepada penghuni. Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui sama ada aduan pernah dilakukan dan diambil tindakan oleh JKR. Ia juga untuk menilai sama ada penghuni berpuashati dengan kerja penyenggaraan yang dilakukan. Sebanyak 100 soal selidik telah diedarkan dan dikembalikan seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Analisis Soal Selidik Penghuni Kuarters

Bil.	Perkara	Ya		Tidak	
		Bil. (Orang)	Peratus (%)	Bil. (Orang)	Peratus (%)
1.	Berpuashati dengan keadaan kuarters	3	7	39	93
2.	Aduan tentang kerosakan kuarters pernah dilakukan	19	45	23	55
3.	Penyenggaraan dilakukan selepas membuat aduan	18	72	7	28
4.	Berpuashati dengan penyenggaraan yang dilakukan	15	36	27	64

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Analisis terhadap **Jadual 1.8** mendapati, 93% penghuni tidak berpuashati dengan keadaan kuarters yang tidak disenggara. Manakala, 55% penghuni tidak pernah membuat aduan tentang kerosakan dan 72% menyatakan tindakan diambil selepas aduan dibuat. Bagaimanapun, sebanyak 64% tidak berpuashati dengan penyenggaraan yang dilakukan.

- c. Penghuni juga mencadangkan agar kerja penyenggaraan dilakukan secara menyeluruh seperti mengganti peralatan yang telah rosak, mengadakan kawalan keselamatan kerana kecurian pernah berlaku, menyenggara persekitaran dengan baik dan menyediakan rumah sampah dan tong yang mencukupi.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan penyenggaraan kuarters dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JKR mengambil langkah berikut:

1.5.1. Pemeriksaan tahunan hendaklah dibuat bagi memastikan kuarters yang memerlukan penyenggaraan segera diambil tindakan sewajarnya.

1.5.2. Merancang dan melaksanakan penyenggaraan secara pencegahan dan berjadual bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius.

1.5.3. Mengambil langkah-langkah keselamatan bagi mencegah pencerobohan kuarters daripada berlaku. Di samping itu, laporan Polis hendaklah dibuat dengan segera terhadap pencerobohan kuarters.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

2. PROGRAM PENINGKATAN EKONOMI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) ditubuhkan pada 17 November 1995 dan bertanggungjawab terhadap semua aktiviti dan program yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan. Mengikut statistik Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah, bilangan Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) di Negeri Sabah setakat 31 Disember 2013 adalah seramai 20,996 orang. Miskin tegar didefinisikan sebagai golongan yang mempunyai pendapatan di bawah dari garis kemiskinan makanan bernilai RM670 sebulan bagi tahun 2013. Oleh itu, isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM670 sebulan adalah tergolong sebagai miskin tegar dan bilangan KIRMT di Negeri Sabah adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Bilangan KIRMT Setakat 31 Disember 2013

Bil.	Daerah	KIRMT (Orang)
1.	Kota Marudu	2,318
2.	Pitas	2,013
3.	Kudat	1,773
4.	Nabawan	1,611
5.	Semporna	1,592
6.	Beluran	1,376
7.	Kota Belud	1,344
8.	Tongod	1,164
9.	Sandakan	1,047
10.	Tuaran	838
11.	Tenom	773
12.	Tambunan	766
13.	Keningau	734
14.	Papar	604
15.	Tawau	555
16.	Ranau	465
17.	Kota Kinabalu	395
18.	Beaufort	311
19.	Kunak	261
20.	Kinabatangan	241
21.	Penampang	216
22.	Lahad Datu	201
23.	Sipitang	193
24.	Kuala Penyu	166
25.	Putatan	39
Jumlah		20,996

Sumber: Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah

2.1.2. Program Peningkatan Ekonomi (PPE) merupakan salah satu Program Pembasmian Kemiskinan yang dilaksanakan oleh pihak KPLBS yang merujuk kepada projek berskala kecil yang tertumpu kepada bidang pertanian, perikanan dan penternakan haiwan bagi tujuan meningkatkan pendapatan peserta. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah atau Majlis Perbandaran selaku agensi pelaksana. Manakala Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan Koperasi Pembangunan Desa bertindak sebagai agensi pembimbing. Peserta PPE dipilih berdasarkan rekod dalam program e-Kasih dan dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal serta Mesyuarat *Focus Group* peringkat daerah sebelum dibincangkan untuk kelulusan dalam Mesyuarat J3P (Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Program) peringkat KPLBS.

2.1.3. Bagi tahun 2011 dan 2012, sejumlah RM9.87 juta peruntukan kewangan untuk Program Pembasmian Kemiskinan bagi PPE telah diluluskan manakala perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM9.65 juta melibatkan 84 projek. Pada tahun 2013, PPE telah diganti dengan MESEJ Bersepadu yang melaksanakan 2 aktiviti dalam 1 program. Sungguhpun tiada peserta baru diambil bagi program PPE mulai tahun 2013, pihak KPLBS masih memantau bagi memastikan projek dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Pihak KPLBS mendapati prestasi peserta dan kesinambungan projek adalah lebih berjaya jika diusahakan secara bersepadu. Peruntukan dan perbelanjaan PPE bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan PPE Bagi Tahun 2011 Dan 2012

Tahun	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Bil. PPE
2011	5.48	5.39	49
2012	4.39	4.26	35
2013	-	-	-
Jumlah	9.87	9.65	84

Sumber: KPLBS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada PPE diuruskan dengan cekap, teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pemeriksaan terhadap rekod dan dokumen pelaksanaan PPE bagi tahun 2011 hingga 2012 yang diselenggara oleh KPLBS dan 6 agensi pelaksana iaitu 1 Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran Sandakan), 5 Pejabat Daerah (Kunak, Lahad Datu, Tambunan, Kota Marudu dan Pitas) serta agensi pembimbing yang berkaitan. Lawatan Audit bersama Pegawai KPLBS, agensi pelaksana dan pembimbing telah dijalankan berdasarkan pemilihan 25 sampel projek daripada 84 bilangan projek seperti di **Jadual 2.3**. Selain itu, temu bual dengan peserta dan pegawai yang terlibat di peringkat

KPLBS dan agensi pelaksana dalam pengurusan PPE telah dilaksanakan. Soal selidik juga telah diedarkan kepada 100 peserta di 6 daerah yang dipilih untuk mendapatkan maklum balas mengenai pandangan peserta terhadap PPE yang dilaksanakan oleh KPLBS.

Jadual 2.3

Senarai Projek PPE Yang Dipilih Sebagai Sampel Bagi Tahun 2011 Dan 2012

Senarai Projek P.T.E Yang Dipilih Sebagai Campor Bagi Tahun 2011 Dan 2012								
Bil.	Kategori	Nama Projek	2011		2012		Jumlah	
			Bil.	Kos Projek (RM)	Bil.	Kos Projek (RM)	Bil.	Kos Projek (RM)
1.	Pertanian	Tanaman Kacang Tanah	5	202,220	0	0	5	202,220
		Tanaman Cili Padi	5	335,670	0	0	5	335,670
		Tanaman Halia	1	102,620	0	0	1	102,620
		Penanaman Cendawan Shitake	1	101,546	1	116,698	2	218,244
		Projek Kisaran Padi	0	0	1	38,240	1	38,240
2.	Perikanan	Penanaman Rumpai Laut	2	749,303	1	41,282	3	790,585
		Ternakan Ikan Siakap	0	0	1	108,000	1	108,000
		Ternakan Ketam Bakau	0	0	1	430,175	1	430,175
3.	Penternakan	Ternakan Burung Walid	0	0	1	550,000	1	550,000
		Ternakan Itik Penelur	0	0	5	743,065	5	743,065
Jumlah			14	1,491,359	11	2,027,460	25	3,518,819

Sumber: KPLBS

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Oktober 2013 mendapati pencapaian PPE adalah memuaskan kerana 16 atau 64% daripada 25 sampel projek yang melibatkan 216 peserta berjaya diteruskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pelaksanaan seperti berikut:

- Projek gagal diteruskan/Projek belum beroperasi.
- Pembinaan tidak mengikut spesifikasi dan peralatan tidak dapat digunakan.
- Kemudahan yang disediakan tidak lengkap.

2.4.1. Prestasi Program Peningkatan Ekonomi

Sepanjang tahun 2011 hingga 2012, sebanyak 84 projek PPE telah dilaksanakan di 17 daerah di Negeri Sabah. Bagi tujuan pengauditan, sebanyak 25 projek PPE berjumlah RM3.52 juta di 6 daerah iaitu Pitas, Kota Marudu, Tambunan, Sandakan, Lahad Datu dan Kunak telah dipilih sebagai sampel melibatkan seramai 375 peserta. Pihak KPLBS juga telah menyediakan latihan/bimbingan, bibit/benih, peralatan dan kemudahan projek. Analisis Audit mendapati sebanyak 16 daripada 25 PPE atau 64% projek masih diteruskan. Manakala, 7 atau 28% projek gagal diteruskan melibatkan Kacang Tanah, Cili Padi, Cendawan Shitake, Rumpai Laut dan Itik Penelur. Seterusnya, 2 atau 8% projek belum beroperasi iaitu kisaran padi dan rumpai laut bagi tahun 2012 hingga Oktober 2013. Kedudukan projek PPE yang diaudit adalah seperti **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Status 25 PPE Sepanjang Tahun 2011 Dan 2012

Bil.	Status Projek	Jumlah Peserta	Jenis Projek										Jumlah Projek	%
			KT	CP	H	CS	KP	RL	IP	IS	KB	BW		
1.	Masih diteruskan	216	4	3	1	1	0	0	4	1	1	1	16	64
2.	Gagal diteruskan	135	1	2	0	1	0	2	1	0	0	0	7	28
3.	Belum beroperasi	24	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	2	8
Jumlah		375	5	5	1	2	1	3	5	1	1	1	25	100

Sumber : Jabatan Audit Negara

Nota:

KT – Kacang Tanah; **CP** – Cili Padi; **H** – Halia; **CS** – Cendawan Shitake; **KP** – Kisaran Padi; **RL** – Rumpai Laut; **IP** – Itik Penelur; **IS** – Ikan Siakap; **KB** – Ketam Bakau; **BW** – Burung Walid

2.4.1.1. Projek Yang Diteruskan

Projek yang diteruskan dikategorikan sebagai projek yang boleh menghasilkan pendapatan kepada peserta sama ada dapat membebaskan mereka daripada kelompok miskin tegar atau sebaliknya. Berdasarkan sampel yang dipilih, pihak Audit mendapati 16 projek PPE yang diteruskan oleh 216 peserta adalah seperti tanaman kacang tanah, cili padi, halia, cendawan shitake, ternakan itik penelur, ikan siakap, ketam bakau dan burung walid. Hasil temu bual Audit dengan 31 peserta mendapati peserta menjual sendiri hasil projek mereka di pasar berdekatan. Peserta juga memaklumkan ada peningkatan pendapatan selepas menyertai projek berbanding sebelumnya. Namun, tiada rekod diselenggara berkaitan pendapatan setiap peserta bagi menilai dan mengesahkan sama ada terdapat peningkatan pendapatan yang diperolehi. Malah sehingga Oktober 2013, projek PPE yang diteruskan belum lagi berjaya mengeluarkan peserta daripada kategori Miskin Tegar. Ini disebabkan pendapatan yang diterima tidak menentu kerana beberapa faktor seperti serangan serangga perosak, kemarau dan harga pasaran yang rendah berbanding kos operasi. Senarai dan keadaan projek yang masih diteruskan adalah seperti di **Jadual 2.5** serta **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.8**.

Jadual 2.5
Senarai Projek Tahun 2011 Dan 2012 Yang Masih Diteruskan

Bil.	Nama Projek	Daerah	Kampung	Tahun	Bil. Peserta	Perbelanjaan (RM)
1.	Tanaman Kacang Tanah	Pitas	Kg. Salungkapit Kg. Andap, Kg. Bambang Sook, Kg. Maliau Pusat,	2011	40	161,620
2.	Tanaman Cili Padi	Pitas	Kg. Sinogindai, Kg. Sinagip Kg. Nunguh	2011	30	145,750
3.	Tanaman Halia	Tambunan	Kg. Tikolod Kg. Nandal	2011	11	102,620
4.	Penanaman Cendawan Shitake	Tambunan	Kg. Dalungan Kg. Moloson Kg. Kiawayan Kg. Rumuyuhgaras	2012	10	116,698
5.	Ternakan Itik Penelur	Pitas	Kg. Kiandut	2012	40	402,745
		Kunak	Kg. Dasar Baru Kg. Tanah Rata Kg. Kunak 3	2012	15	228,520
6.	Ternakan Ikan Siakap	Lahad Datu	Kg. Nala	2012	10	108,000
7.	Ternakan Ketam Bakau	Sandakan	Kg. Gum-Gum	2012	20	430,175
8.	Ternakan Burung Walid	Pitas	Kg. Kiandut	2012	40	550,000
Jumlah					216	2,2461,128

Sumber: KPLBS

Gambar 2.1
Tanaman Kacang Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Salungkapit, Pitas
Tarikh: 24 September 2013

Gambar 2.2
Tanaman Cili Padi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sinangip, Pitas
Tarikh: 24 September 2013

Gambar 2.3
Tanaman Halia



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Nandal, Tambunan
Tarikh: 10 Oktober 2013

Gambar 2.4
Tanaman Cendawan Shitake



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Rumuyuhgaras, Tambunan
Tarikh: 9 Oktober 2013

Gambar 2.5
Ternakan Itik Penelur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kiandut, Pitas
Tarikh: 23 September 2013

Gambar 2.6
Ternakan Ikan Siakap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Nala, Lahad Datu
Tarikh: 12 September 2013

Gambar 2.7
Ternakan Ketam Bakau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Gum-Gum, Sandakan
Tarikh: 18 September 2013

Gambar 2.8
Projek Burung Walid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kiandut, Pitas
Tarikh: 23 September 2013

2.4.1.2. Projek Gagal Diteruskan

- a. Sebanyak 7 daripada 25 projek PPE yang gagal diteruskan melibatkan 135 peserta bagi tanaman kacang tanah, cili padi, cendawan shitake, rumpai laut dan ternakan itik penelur. Hasil temu bual Audit mendapati kegagalan projek adalah disebabkan serangan penyakit, kemarau, pendapatan peserta tidak dapat menampung kos sara hidup, lokasi tidak sesuai dan kos bahan makanan ternakan adalah mahal. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh sebenar setiap projek beroperasi kerana tiada maklumat direkodkan. Kegagalan projek menyebabkan pendapatan peserta tidak berubah dan masih mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan. Senarai projek yang gagal diteruskan adalah seperti di **Jadual 2.6** dan **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.13**.

Jadual 2.6
Senarai Projek Gagal Diteruskan Bagi Tahun 2011 Dan 2012

Bil	Nama Projek	Daerah	Kampung	Tahun	Bil. Peserta	Perbelanjaan (RM)
1.	Tanaman Kacang Tanah	Pitas	Kg. Kibulu	2011	10	40,600
2.	Ternakan Itik Penelur	Pitas	Kg. Mengkapon Darat	2012	10	111,800
3.	Penanaman Rumpai Laut	Kunak	Kg. Hampilan	2011	5	141,383
4.	Penanaman Rumpai Laut	Lahad Datu	Kg. Nala	2012	70	607,920
5.	Penanaman Cendawan Shitake	Tambunan	Kg. Tikolod Kg. Kiawayan Kg. Nambayan	2011	10	101,546
6.	Tanaman Cili Padi	Pitas	Kg. Liu Tamu	2011	10	40,100
7.	Tanaman Cili Padi	Kota Marudu	Kg. Salimandut Kg. Sungai Darat Kg. Sungai Laut	2011	20	150,000
Jumlah					135	1,193,349

Sumber: KPLBS

Gambar 2.9
Tapak Tanaman Kacang Tanah Yang Ditumbuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kibulu, Pitas
Tarikh: 24 September 2013

Gambar 2.10
Tapak Tanaman Cili Padi Yang Ditumbuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Liu Tamu, Pitas
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 2.11
Rumah Cendawan Shitake Dijadikan Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kiawayan, Tambunan
Tarikh: 9 Oktober 2013

Gambar 2.12
Pelantar Rumpai Laut Musnah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Hampilan, Kunak
Tarikh: 4 September 2013



Gambar 2.13
Reban Itik Yang Terbiar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Mangkapon Darat, Pitas
Tarikh: 23 September 2013

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Mei 2014, pihak KPLBS akan membuat kajian semula dan mana-mana projek yang berdaya maju akan ditambahbaik dan diteruskan pelaksanaannya. Manakala, projek-projek yang tidak berdaya maju tidak akan diteruskan. KPLBS juga akan membuat penelitian dan kajian terperinci agar projek-projek gagal tidak berulang. KPLBS juga akan memastikan rekod PPE dapat diselenggara.

2.4.1.3. Projek Belum Beroperasi

- a. Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 2 daripada 25 projek PPE belum beroperasi yang melibatkan 24 peserta iaitu Projek Kisaran Padi dan Penanaman Rumpai Laut. Hasil temu bual Audit bersama agensi pelaksana mendapati projek PPE yang belum beroperasi adalah disebabkan mesin kisaran padi belum dipasang dengan sempurna manakala bagi projek penanaman rumpai laut masih dalam proses pemilihan peserta oleh agensi pelaksana. Tempoh kelewatan projek beroperasi adalah antara 9 hingga 17 bulan daripada tarikh peralatan diagihkan sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Semakan Audit seterusnya mendapati kos kedua-dua projek telah dibayar sepenuhnya pada tahun tersebut berjumlah RM79,522. Kesannya, projek yang dilaksanakan tidak dapat dimanfaatkan oleh peserta dan kemudahan yang

disediakan tidak digunakan. Butiran projek yang belum beroperasi adalah seperti di **Jadual 2.7** serta **Gambar 2.14** dan **Gambar 2.15**.

Jadual 2.7
Butiran Projek Yang Belum Beroperasi

Bil.	Projek/Lokasi	Tarikh Peralatan Diagihkan	Tarikh Pengauditan	Tempoh Kelewatan (Bulan)	Perbelanjaan (RM)
1.	Mesin Kisaran Padi, Tambunan - Kg. Kumawanan, - Kg. Kaingaran, - Kg. Bogian - Kg. Rompon	10 Mei 2012	10 Oktober 2013	17	38, 240
2.	Penanaman Rumpai Laut MESEJ Akuakultur, Kunak Kg. Pangi, Kunak	14 Disember 2012	4 September 2013	9	41,282
Jumlah					79,522

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.14
Mesin Kisaran Padi Belum Siap Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kaingaran, Tambunan
Tarikh: 10 Oktober 2013

Gambar 2.15
Peralatan Penanaman Rumpai Laut Yang Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pangi, Kunak
Tarikh: 4 September 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Mei 2014, projek mesin kisaran padi dan penanaman rumpai laut di Mesej Akuakultur Pangi telah pun beroperasi. Bagaimanapun, sehingga kini pihak KPLBS tidak mengemukakan bukti tindakan yang telah diambil selepas teguran Audit.**

Pada pendapat Audit, prestasi PPE adalah memuaskan kerana projek yang berjaya diteruskan lebih banyak berbanding yang gagal. Bagaimanapun, KPLBS perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah projek yang belum beroperasi kerana pihak KPLBS sudah membekalkan peralatan kepada peserta.

2.4.2. Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi Dan Peralatan Tidak Dapat Digunakan

Perolehan kerja yang dibuat perlu dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Lawatan Audit di 6 daerah yang dipilih mendapati 23 daripada 25 projek telah dilaksanakan

mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan kecuali 2 projek di daerah Tambunan dan Pitas seperti berikut:

2.4.2.1. Projek Kisaran Padi

- a. Projek Kisaran Padi di daerah Tambunan pada tahun 2012 melibatkan kerja pembinaan 4 buah bangunan berserta mesin kisanan padi setiap satu di Kg. Kumawanan, Kg. Kaingaran, Kg. Rompon dan Kg. Bogian yang berjumlah RM38,240. Lawatan Audit pada 8 hingga 10 Oktober 2013 mendapati projek ini telah dibayar sepenuhnya kepada kontraktor meskipun pelaksanaan kerja tidak mengikut spesifikasi seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8

Senarai Kerja Yang Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kos seunit (RM)	Jumlah Unit	Senarai Kerja Yang Mengikut Spesifikasi			
				Kg. Bogian	Kg. Rompon	Kg. Kumawanan	Kg. Kaingaran
1.	Kerja membekal dan memasang tingkap saiz 5' x 2'	100	4	x	x	x	x
2.	Penyediaan laluan lubang hampas padi	50	4	x	√	x	x

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: √ – Mematuhi
x – Tidak Mematuhi

Gambar 2.16
Tingkap Tidak Dibekal dan Di Pasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Bogian, Tambunan
Tarikh: 8 Oktober 2013

Gambar 2.17
Laluan Lubang Hampas Padi Tidak Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Bogian, Tambunan
Tarikh: 8 Oktober 2013

Gambar 2.18
Tingkap Tidak Dibekal dan Di Pasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Rompon, Tambunan
Tarikh: 8 Oktober 2013

Gambar 2.19
Laluan Lubang Hampas Padi Tidak Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kumawanan, Tambunan
Tarikh: 9 Oktober 2013

Gambar 2.20
Laluan Lubang Hampas Padi Tidak Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kumawanan, Tambunan
Tarikh: 9 Oktober 2013

Gambar 2.21
Tingkap Tidak Dibekal dan Di Pasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kaingaran, Tambunan
Tarikh: 10 Oktober 2013

- b. Malah mesin pengisar yang dibekalkan juga tidak boleh digunakan oleh penduduk disebabkan belum lengkap dipasang dan tapak pemasangan *belting* yang tidak selari seperti di **Gambar 2.22** dan **Gambar 2.23**.

Gambar 2.22
Tapak Pemasangan *Belting* Mesin
Pengisar Tidak Selari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Rompon, Tambunan
Tarikh: 8 Oktober 2013

Gambar 2.23
Mesin Pengisar Belum Lengkap Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kaingaran, Tambunan
Tarikh: 9 Oktober 2013

- c. Keadaan ini berlaku disebabkan spesifikasi kerja bagi pembinaan bangunan berserta bekalan mesin kisaran padi telah dibuat tanpa mengambil kira kerja pemasangan mesin pengisar. Juruteknik yang bertanggungjawab telah membuat perakuan siap kerja dan pembayaran telah dibuat sepenuhnya meskipun kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi. Kesannya, peserta tidak dapat menggunakan mesin pengisar bagi melaksanakan aktiviti kisaran padi sejak ia dibekalkan pada tahun 2012.

2.4.2.2. Projek Membina Bengkel Memproses Telur Masin

- a. Projek Membina Bengkel Memproses Telur Masin, Kiandut di daerah Pitas telah dilaksanakan pada tahun 2011 dengan perbelanjaan sejumlah RM44,900. Pembinaan bengkel ini merupakan sebahagian daripada kemudahan yang disediakan bagi pelaksanaan Projek Ternakan Itik Penelur MESEJ Kiandut. Pihak Audit mendapati pengesahan siap kerja telah diperakui oleh Juruteknik yang bertanggungjawab dan pembayaran telah dibuat sepenuhnya meskipun kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi. Kesannya, bengkel yang disediakan tidak lengkap dengan kemudahan yang sepatutnya. Lawatan Audit pada 23 September 2013 mendapati kerja pembinaan bengkel ini tidak mengikut spesifikasi seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Senarai Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Butiran	Jumlah (RM)	Bil. Mengikut Senarai Kuantiti	Bil. Semasa Pemeriksaan Audit	Bil. Yang Kurang
1.	Kipas Gantung	1,900	2	1	1
2.	Lampu		8	4	4
3.	Soket		3	2	1
4.	Generator		1	0	1

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Mei 2014, pemasangan mesin kisaran padi dan senarai kerja yang tidak mengikut spesifikasi telah dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja adalah baik kerana hanya 2 daripada 25 projek PPE tidak mengikut spesifikasi sepenuhnya. Pengesahan siap kerja perlu dilaksanakan dengan lebih teliti bagi memastikan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Tindakan segera perlu diambil bagi mengatasi senarai kerja yang tidak mengikut spesifikasi bagi 2 projek di daerah Tambunan dan Pitas tersebut agar kemudahan dimanfaatkan.

2.4.3. Kemudahan Disediakan Tidak Lengkap

Program Peningkatan Ekonomi meliputi penyediaan kemudahan kelengkapan dan peralatan bergantung kepada jenis program yang diusahakan oleh peserta. Lawatan Audit ke 6 daerah dari bulan September hingga Oktober 2013 mendapati 2 daripada 25 sampel projek PPE tidak mempunyai kemudahan yang lengkap seperti berikut:

2.4.3.1. Projek Ternakan Ikan Siakap Dalam Kolam

Projek Ternakan Ikan Siakap Dalam Kolam Kg. Nala, Lahad Datu telah dilaksanakan pada tahun 2012 dengan kos berjumlah RM108,000 melibatkan 10 peserta. Peserta dibekalkan dengan benih ikan siakap dan bekalan makanan untuk tempoh 6 bulan bagi mencapai saiz pasaran melebihi satu kilogram. Hasil temu bual dengan peserta projek bersama Penolong Jurutera Pejabat Daerah Lahad Datu, pihak Audit dimaklumkan ikan siakap telah dijual kurang daripada berat sepatutnya iaitu sekitar 750 gram hingga 1 kilogram seekor kerana kekurangan bekalan oksigen. Ini disebabkan mesin bekalan oksigen tidak disediakan bagi menampung pembesaran ternakan supaya mencapai saiz pasaran. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Penguasa Perikanan Daerah Lahad Datu tentang keperluan mesin bekalan oksigen untuk digunakan dalam ternakan ikan dalam kolam. Pihak KPLBS juga mengambil maklum dengan membincangkan perkara ini dalam Jawatankuasa Teknikal Pemantauan MESEJ Nala Tungku pada 18 Julai 2013 berikutan kematian 700 ekor ikan kerana kekurangan bekalan oksigen. Dalam mesyuarat yang sama, Jabatan Perikanan telah mencadangkan untuk menggunakan sebuah *wheel feeder* (tiga fasa) atau menggunakan 2 buah *blow pump* (200 watt) untuk setiap kolam bagi mengatasi masalah ini. Hasil mesyuarat memutuskan bahawa cadangan Jabatan Perikanan perlu diambil tindakan segera bagi mengelakkan kematian ternakan ikan berulang. Sehingga tempoh pengauditan, perkara ini masih belum dilaksanakan sebagaimana keputusan mesyuarat tersebut. Kesannya, jumlah ternakan ikan berkurangan dan saiz ikan yang dijual lebih kecil berbanding permintaan di pasaran. Keadaan kolam yang tidak disediakan mesin bekalan oksigen yang tidak disediakan adalah seperti di **Gambar 2.24**.



Gambar 2.24
Mesin Bekalan Oksigen Tidak
Disediakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Nala, Lahad Datu
Tarikh: 12 September 2013

2.4.3.2. Ternakan Ketam Bakau

- a. Projek Ternakan Ketam Bakau Kg. Gum-Gum, Sandakan dilaksanakan pada tahun 2012 melibatkan 20 peserta dengan kos berjumlah RM430,175. Skop kemudahan yang disediakan di bawah projek ini adalah seperti pembinaan kandang, jambatan, jeti dan kolam serta pembekalan bot, benih ketam, bintur, timbangan dan kereta sorong. Bagaimanapun, kemudahan seperti bot, jambatan, parit dan tangga dalam kolam sangkar tidak disediakan bagi membolehkan projek ini beroperasi dengan sewajarnya. Keadaan ini berlaku disebabkan peruntukan yang diluluskan hanya berjumlah RM450,975 berbanding anggaran kos projek RM1,475,936 menyebabkan pelaksanaan projek kurang lancar. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.10** dan **Gambar 2.25**.

Jadual 2.10
Kemudahan Tidak Disediakan Dengan Lengkap

Bil.	Butiran Kemudahan	Kegunaan	Keadaan Fizikal
1.	Bot	Sebagai pengangkutan utama kepada peserta untuk menjalankan aktiviti penternakan ketam seperti mencari benih ketam dan menjual ketam yang telah matang.	Perkongsian penggunaan bot iaitu 1 bot untuk 5 orang peserta.
2.	Jambatan Kecil	Penggunaan jambatan kecil di sekeliling kolam sangkar adalah untuk memudahkan aktiviti harian penternakan ketam.	Jambatan kecil tidak disediakan di sekeliling sangkar. Ini menyukarkan peserta menjalankan aktiviti harian penternakan ketam seperti di Gambar 2.25 .
3.	Parit	Sistem perparitan merupakan keperluan asas dalam mengusahakan penternakan ketam bakau. Saiz parit adalah dengan ukuran lebar 3 kaki dan dalam 2 kaki. Kegunaan parit tersebut adalah untuk menjadi tempat perlindungan kepada ketam ketika air surut.	Parit telah digali sendiri oleh peserta tetapi tidak mampu pada kedalaman yang diperlukan menyebabkan parit yang telah dibina musnah akibat pasang surut air laut.
4.	Tangga Dalam Kolam Sangkar	Penggunaan tangga dalam kolam sangkar adalah untuk memudahkan peserta menjalankan aktiviti harian bagi penternakan ketam bakau.	Tangga tidak disediakan di dalam kolam sangkar. Ini menyebabkan peserta sukar untuk turun ke dalam kolam sangkar bagi melihat keadaan ternakan ketam seperti di Gambar 2.25 .

Sumber: Jabatan Audit Negara



Gambar 2.25
Jambatan Kecil Dan Tangga Tidak
Disediakan


Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Gum-Gum, Sandakan
Tarikh: 18 September 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Mei 2014, pihak KPLBS akan berbincang dengan agensi pembimbing dan pelaksana mengenai keperluan penyediaan kemudahan projek mengikut keutamaan.**

Pada pendapat Audit, penyediaan kemudahan asas projek adalah memuaskan. Bagaimanapun, KPLBS sebagai agensi pelaksana dan agensi pembimbing perlu menyediakan kemudahan yang lengkap bagi sesuatu projek untuk menjamin kelancaran pelaksanaannya.

2.4.4. Analisis Pendapatan Peserta


2.4.4.1. Bagi menilai tahap peningkatan ekonomi peserta, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada peserta yang dipilih. Sebanyak 69 peserta telah memberi maklum balas daripada 100 borang soal selidik yang telah diedarkan di 6 daerah iaitu Kunak, Lahad Datu, Sandakan, Pitas, Kota Marudu dan Tambunan seperti di **Carta 2.1.**



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

2.4.4.2. Analisis Audit mendapati sebanyak 38 peserta atau 55% tidak ada perubahan dari segi pendapatan. Projek yang dilaksanakan oleh peserta tersebut terdiri daripada Projek Kisaran Padi, Cili Padi, Kacang Tanah, Rumpai Laut dan Penternakan Itik Penelur. Pendapatan peserta tidak berubah adalah disebabkan projek tidak lagi diteruskan, projek belum beroperasi, lokasi projek yang tidak sesuai, faktor cuaca, masalah pemasaran, benih rosak dan kelemahan pengurusan kewangan oleh peserta dari segi pusingan modal.

2.4.4.3. Analisis Audit selanjutnya mendapati seramai 31 atau 45% daripada 69 peserta telah dapat meningkatkan pendapatan melalui Projek Penternakan Itik Penelur, Ketam Bakau, Penanaman Cendawan Shitake, Kacang Tanah, Halia, Cili Padi dan Rumpai Laut. Bagaimanapun, 4 daripada 7 projek seperti penanaman rumpai laut, cili padi, cendawan shitake dan ternakan itik penelur tidak dapat diteruskan kerana faktor cuaca dan kelemahan pengurusan kewangan peserta dari segi pusingan modal. Hasil temu bual dengan peserta mendapati keempat-empat projek tersebut mampu memberikan pendapatan kepada mereka. Peningkatan pendapatan peserta diperolehi daripada 7 projek yang dilaksanakan seperti di **Carta 2.2** dan **Jadual 2.11**.



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Jadual 2.11

Purata Peningkatan Pendapatan Peserta Berdasarkan 7 PPE Yang Meningkatkan

Bil.	Nama Projek	Bil. Peserta	Purata Pendapatan Peserta		Peningkatan	
			Sebelum (RM)	Selepas (RM)	Jumlah (RM)	Peratusan (%)
1.	Cendawan Shitake	8	281	512	231	82
2.	Halia	3	250	600	350	140
3.	Ketam Bakau	5	370	690	320	86
4.	Itik Penelur	7	429	557	128	30
5.	Cili Padi	2	300	500	200	67
6.	Rumpai Laut	2	375	600	225	60
7.	Kacang Tanah	4	375	593	218	58
Jumlah		31	340	579	239	70

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, maklum balas yang diterima daripada 69 peserta mengenai peningkatan pendapatan adalah ditahap tidak memuaskan kerana peserta memperolehi pendapatan kurang daripada RM670 sebulan. Pihak KPLBS perlu mengkaji semula kaedah pelaksanaan PPE bagi membolehkan objektif Program Pembasmian Kemiskinan dicapai.

2.4.5. Pemantauan

2.4.5.1. Pemantauan secara berkala bagi projek PPE adalah penting bagi memastikan semua projek yang dilaksanakan berjalan dengan lancar, cekap dan berkesan. Projek tersebut diselia dan dipantau diperingkat Kementerian dan Daerah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Dan Pembangunan Program (J3P), Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group* dan Mesyuarat Teknikal. Bagaimanapun semakan Audit mendapati masalah dalam pelaksanaan projek seperti kemudahan yang tidak lengkap, projek yang gagal yang diteruskan, projek belum beroperasi, kerja tidak mengikut spesifikasi dan peralatan tidak digunakan tidak ditangani dengan berkesan di peringkat jawatankuasa yang ada.

2.4.5.2. Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Mei 2014, pihak KPLBS hanya membuat pemantauan secara sampel di setiap daerah kerana kekangan kakitangan dan beban tugas lain.

Pada pendapat Audit, pemantauan diperingkat Kementerian dan daerah adalah kurang memuaskan kerana permasalahan yang dibangkitkan tidak diambil tindakan sewajarnya menyebabkan objektif projek PPE tidak dicapai sepenuhnya .

2.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi masalah yang dibangkitkan agar tidak berulang, adalah disyorkan agar KPLBS dapat mengambil langkah-langkah seperti berikut:

2.5.1. Mengkaji semula punca kegagalan projek PPE yang dilaksanakan dan mengambil tindakan penambahbaikan bagi projek akan datang serta memastikan projek yang dilaksanakan disediakan dengan kemudahan yang lengkap untuk peserta agar projek dapat berjalan dengan lancar.

2.5.2. Memastikan perolehan kerja dan peralatan yang dilaksanakan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan sebelum pembayaran dilakukan.

2.5.3. Memastikan jawatankuasa pemantauan diperingkat kementerian dan daerah memainkan peranan dengan berkesan agar pemasalahan projek dapat ditangani dengan segera.

3. PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS HUB PENDIDIKAN SANDAKAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Hub Pendidikan Sandakan [*Sandakan Education Hub (SEH)*] merupakan salah satu projek di bawah *Sabah Development Corridor (SDC)* daripada 5 Koridor Ekonomi yang wujud di Negeri Sabah. SEH merupakan projek yang berkonsepkan penubuhan pusat pendidikan dan institusi pengajian tinggi di kawasan pantai Timur Sabah bertujuan memperhebatkan serta mempertingkatkan mutu pendidikan Negeri Sabah dan menggalakkan agar modal insan yang terlatih dan berpengetahuan tidak berhijrah ke tempat lain dan membantu meningkatkan pembinaan modal insan berkualiti untuk menyokong kehendak pasaran kerja khususnya dalam bidang pertanian.

3.1.2. Lokasi SEH terletak di Sungai Batang, Batu 10, Sandakan iaitu 16km dari Bandar Sandakan yang meliputi kawasan seluas 500 hektar merangkumi institusi pendidikan awam dan swasta seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) kampus Sandakan, Politeknik Sandakan dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Sandakan.

3.1.3. Sebelum wujudnya pelbagai institusi pendidikan di kawasan SEH, keperluan kemudahan infrastruktur asas hendaklah disediakan terlebih dahulu. Infrastruktur asas yang perlu disediakan adalah seperti jalan raya, sistem pembentungan, perparitan, bekalan tenaga elektrik, bekalan air, dan telekomunikasi. Penyediaan infrastruktur asas SEH telah mula dilaksanakan pada 1 Jun 2009 dan dijangka siap sepenuhnya pada 31 Disember 2010. Kos penyediaan infrastruktur Asas SEH dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan melalui SDC. Anggaran asal kos pembangunan SEH adalah RM235 juta. Projek SEH adalah dibawah tanggungjawab Kementerian Kewangan Negeri Sabah bagi peruntukan Negeri dan *Sabah Economic Development And Investment Authority (SEDIA)* bagi peruntukan Persekutuan, manakala Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah telah dilantik sebagai Pengurus Projek.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada penyediaan infrastruktur asas untuk SEH telah dirancang, diurus dan dilaksanakan secara cekap dan berhemat serta dipantau dengan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan penyediaan infrastruktur asas SEH bagi tempoh 2009 hingga 2013 oleh Jabatan Pelaksana (Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah) dan Jabatan Pelanggan (SEDIA dan Kementerian Kewangan Negeri Sabah). Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja dan dokumen yang berkaitan dengan perancangan projek di Jabatan Pelaksana dan Jabatan Pelanggan. Selain itu, semakan dibuat terhadap fail dan dokumen seperti Laporan Kajian Kemungkinan, fail tender, pengurusan dan pemantauan projek. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan projek turut dilakukan bagi mendapatkan penjelasan sebenar dan lawatan juga dilakukan bagi melihat status pelaksanaan dan kualiti projek.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos 2013 hingga Oktober 2013 mendapati pada umumnya penyediaan infrastruktur asas Hub Pendidikan Sandakan (SEH) adalah memuaskan kerana telah disiapkan dalam tempoh yang diluluskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan penyediaan infrastruktur asas dan pemantauan projek seperti berikut:

- Kerja pembinaan kurang berkualiti.
- Peralatan kurang dibekalkan dan kerja tidak mengikut spesifikasi.
- Kemudahan yang disediakan tidak digunakan.

3.4.1. Prestasi Projek

3.4.1.1. Projek penyediaan infrastruktur asas SEH bernilai RM181.48 juta daripada RM235 juta yang dianggarkan telah dibahagikan kepada 5 pakej manakala kerja-kerja Bekalan Air bernilai RM18.99 juta di luar daripada pakej. Tempoh pelaksanaan projek infrasturktur asas SEH yang ditetapkan adalah selama 20 bulan iaitu bermula dari 1 Jun 2009 hingga 31 Disember 2010 bagi pakej 1 hingga 5 manakala bagi Kerja-kerja Paip Air selama 24 bulan iaitu bermula dari 3 Disember 2009 hingga 2 Disember 2011. Komponen dan tarikh jangka siap projek penyediaan infrastruktur asas SEH adalah seperti di **Jadual 3.1.**

Jadual 3.1
Komponen Projek Penyediaan Infrastruktur Asas SEH

Bil.	Pakej/ Projek	Skop Kerja	Tarikh Jangka Siap	Kaedah Perolehan	Tarikh Lantikan	Kos Projek (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	1 & 2	Kerja-kerja Jalan Raya Dan Kerja Pembentungan	31.12.2010	Reka & Bina	29.07.2005	60.82	181.48
2.	3	Kerja-kerja Perparitan & Kolam Takungan	31.12.2010	Reka & Bina	27.01.2006	59.98	
3.	4	Kerja-kerja Elektrik	31.12.2010	Reka & Bina	22.11.2006	57.49	
4.	5	Kerja-kerja Telekomunikasi	31.12.2010	Reka & Bina	27.02.2007	3.19	
5.	Bekalan Air	Kerja-kerja paip air	02.12.2010	Reka & Bina	25.02.2009	18.99	18.99
Jumlah							200.47

Sumber: SEDIA/JKR/Jabatan Air

- a. Kontraktor yang dilantik hendaklah mematuhi semua syarat dan terma perjanjian untuk memastikan pelaksanaan projek pembinaan berjalan dengan lancar. Sekiranya terdapat syarat dan terma yang tidak dipatuhi, kedua-dua pihak boleh menamatkan perjanjian yang ditandatangani. Selain itu, pembinaan projek hendaklah dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaannya. Sebarang kelewatan perlu mendapat kelulusan lanjutan masa. Sekiranya lanjutan masa tidak diluluskan, denda hendaklah dikenakan dengan kadar yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak.
- b. Analisis Audit mendapati tempoh projek disiapkan telah dilanjutkan sebanyak 5 kali hingga tarikh sebenar siap pada 28 Ogos 2012 (bagi pakej 1 hingga 5) dan 31 Ogos 2012 (bagi kerja-kerja paip air). Tempoh pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2.
Tempoh Pelaksanaan Penyediaan Infrastruktur Asas SEH

Kontrak/ Pakej	Skop Kerja	Tempoh Ditetapkan (Bulan)	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap Sepatutnya	Tarikh CPC dari Juruperunding	Tarikh CPC dari JKR/Jab. Air	EOT (Kali)	Tempoh Lanjutan (Bulan)
1 & 2	Kerja-kerja Jalan Raya Dan Kerja-kerja Pembentungan	19	01.06.2009	30.12.2010	28.08.2012	10.12.2012	5	20
3	Kerja-kerja Perparitan & Kolam Takungan	18	01.07.2009	30.12.2010	28.08.2012	08.02.2013	5	20
4	Kerja-kerja Elektrik	19	01.06.2009	30.12.2010	30.04.2011	21.06.2011	1	4
5	Kerja-kerja Telekomunikasi	19	01.06.2009	30.12.2010	01.05.2012	10.12.2012	3	17
Jab. Air	Kerja-kerja paip air	24	03.12.2009	02.12.2011	TB	31.08.2012	2	8

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah Dan Jabatan Air Negeri Sabah
 Nota : TB – Tidak Berkenaan

- c. Antara sebab yang dinyatakan dalam permohonan lanjutan masa oleh pihak kontraktor adalah seperti masalah pengambilan tanah untuk *Drainage Outlet*, penentuan lokasi jajaran kabel telekom dan paip air, pemindahan rumah setinggan dan kelewatan naik taraf Jalan Sg. Batang.

Pada pendapat Audit prestasi projek adalah memuaskan kerana semua pakej yang dirancang termasuk kerja bekalan air telah disiapkan dalam tempoh yang diluluskan.

3.4.2. Kerja Pembinaan Kurang Berkualiti

3.4.2.1. Pelaksanaan kerja hendaklah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak dan disiapkan dengan sempurna serta berkualiti agar boleh digunakan dengan baik di mana Kerajaan mendapat *Value for Money*. Semakan Audit terhadap kerja pembinaan bagi pakej 1, 2 dan 3 didapati kualiti kerja pembinaannya kurang memuaskan. Pakej 1 merangkumi penyediaan kemudahan jalan raya termasuk lorong motorsikal didapati rosak manakala *walkpath – paver block* mendap dan rosak. Pakej 2 adalah mengenai kerja-kerja pembentungan dan pihak Audit mendapati tebing parit dan lantai di *Labour Quarters, Guard House Sewerage Treatment Plant (STP)* telah retak dan pecah. Bagi pakej 3 yang melibatkan kerja-kerja perparitan dan kolam takungan, adalah didapati saluran tidak lurus dan tebing *pond* runtuh. Selain itu, bagi kerja-kerja bekalan air didapati *close turfing* tidak rata. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3.
Kerja Pembinaan Kurang Berkualiti

Bil	Lokasi	Pakej No.	Keadaan Fizikal
1.	Lorong Motorsikal	1	Lorong Motorsikal yang rosak seperti di Gambar 3.1 dan Gambar 3.3 .
	<i>Walkpath- Paver Block</i>		Mendap dan rosak seperti di Gambar 3.5 , Gambar 3.7 dan Gambar 3.8 .
2.	<i>Labour Quarters – STP</i>	2	Tebing parit pecah seperti di Gambar 3.10 dan Gambar 3.12 .
	<i>Guard House – STP</i>		Lantai dan tebing parit retak seperti di Gambar 3.14 .
3.	<i>Drainage I</i>	3	Saliran tidak lurus seperti di Gambar 3.16 . <i>Inlet drainage</i> tidak sempurna seperti di Gambar 3.18 .
	<i>Pond B</i>		Tebing <i>Pond</i> runtuh seperti di Gambar 3.20 .
4.	<i>Storage Reservoir</i>	Bekalan Air	<i>Close Turfing</i> yang tidak rata seperti di Gambar 3.22 hingga Gambar 3.23 .

Sumber: Dokumen Kontrak/Gambar Jabatan Audit Negara

Nota: STP – *Sewage Treatment Plant*

Gambar 3.1
Lorong Motorsikal Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 23 Oktober 2013

Gambar 3.2
Kerosakan Lorong Motorsikal Telah Dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 7 Mac 2014

Gambar 3.3
Lorong Motorsikal Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 23 Oktober 2013

Gambar 3.4
Kerosakan Lorong Motorsikal Telah Dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 7 Mac 2014

Gambar 3.5
Walkpath – Paver Block Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 23 Oktober 2013

Gambar 3.6
Kerosakan Walkpath – Paver Block Telah Dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 16 Mac 2014



Gambar 3.7
Walkpath – Paver Block Yang Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 23 Oktober 2013

Gambar 3.8
Walkpath – Paver Block Yang Mendap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 23 Oktober 2013

Gambar 3.9
Walkpath – Paver Block Yang Mendap Sedang Dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 16 Mac 2014

Gambar 3.10
Tebing Parit Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Quarters STP – SEH*
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.11
Tebing Parit Yang Pecah Telah Dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Labour Quarters STP – SEH*
Tarikh: 16 Mac 2014

Gambar 3.12
Tebing Parit Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Quarters STP – SEH*
Tarikh: 22 Oktober 2013

Gambar 3.13
Tebing Parit Yang Pecah Telah Dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Labour Quarters STP – SEH*
Tarikh: 16 Mac 2014

Gambar 3.14
Lantai Dan Tebing Parit Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Guard House STP – SEH*
Tarikh: 22 Oktober 2013

Gambar 3.15
Lantai Dan Tebing Parit Retak Telah Dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Guard House STP – SEH*
Tarikh: 16 Mac 2014

Gambar 3.16
Saliran Sepatutnya Lurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Drainage I – SEH*
Tarikh: 23 Oktober 2013

Gambar 3.17
Saliran Sedang dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Drainage I – SEH*
Tarikh: 7 Mac 2014

Gambar 3.18
Inlet Drainage Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 2 Oktober 2013

Gambar 3.19
Inlet Drainage Telah Dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 12 Mac 2014

Gambar 3.20
Tebing Pond B Yang Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Pond B – SEH*
Tarikh: 2 Oktober 2013

Gambar 3.21
Tebing Pond B Yang Runtuh Telah Dibaiki



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Pond B – SEH*
Tarikh: 6 Mac 2014

Gambar 3.22
Close Turfing (Flat Ground) Tidak Rata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Storage Reservoir – SEH*
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 3.23
Close Turfing (Slope Ground) Tidak Rata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Storage Reservoir – SEH*
Tarikh: 1 Oktober 2013

3.4.2.2. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 April 2014, pembaikan terhadap kerja pembinaan yang kurang berkualiti telah diambil tindakan oleh pihak kontraktor seperti di Gambar 3.2 hingga Gambar 3.21.

Pada pendapat Audit kerja pembinaan kurang memuaskan kerana terdapat kerja-kerja yang dibuat tidak kemas, rosak dan tidak berkualiti.

3.4.3. Peralatan Kurang Dibekalkan Dan Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

3.4.3.1. Setiap kerja yang dinyatakan dalam kontrak (BQ) hendaklah disiapkan dengan sempurna manakala bagi peralatan yang perlu dibekalkan adalah menjadi kewajipan kontraktor untuk membekalkan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati 10 item peralatan kurang dibekalkan, 4 item peralatan tidak dibekalkan, 3 kerja dibuat tidak mengikut spesifikasi dan 1 kerja tidak dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4** hingga **Jadual 3.7**.

Jadual 3.4
Peralatan Kurang Dibekalkan

Bil.	Peralatan	Pakej No.	BQ	Keadaan Fizikal		Tarikh Pengesahan Kerja Siap Oleh Juruperunding	Kos Dibayar Penuh (RM)	Gambar
				Keperluan	Dibekalkan			
1	Writing Table (AT series, AT 180/S)	2	VO.4 – Appendix 1	8	6	28/08/2012	4,232	3.24 – 3.25
2	Mobile Pedestal (3 drawers) (AT series, AT M3)		VO.4 – Appendix 1	8	6	28/08/2012	3,128	
3	Fabrick Task Chairs		VO.4 – Appendix 1	20	15	28/08/2012	8,280	
4	Wash Down Pedestal		BQ-03E/P/1	4	2	28/08/2012	1,680	
5	Chromium Plated Booster Bib Tap		BQ-03E/P/1	8	6	28/08/2012	582	
6	Floor Trap		BQ-03E/P/1	10	3	28/08/2012	720	
7	Semi-recessed paper holder		BQ-03E/P/1	4	2	28/08/2012	284	
8	Shower Rose		BQ-03E/P/1	4	2	28/08/2012	496	
9	Stop Cock		BQ-03E/P/1	4	2	28/08/2012	304	
10	Semi –recessed Soap holder		BQ-03E/P/1	4	2	28/08/2012	240	

Sumber: Dokumen Kontrak/Gambar Jabatan Audit Negara

Jadual 3.5
Peralatan Tiada Dibekalkan

Bil.	Peralatan	Pakej No.	BQ	Keadaan Fizikal		Tarikh Pengesahan Kerja Siap Oleh Juruperunding	Kos Dibayar Penuh (RM)	Gambar
				Keperluan	Dibekalkan			
1	Portable MLSS Meter	2	BQ-03B/N/10	1	0	28/08/2012	20,000	Tiada
2	BOD Meter		BQ-03B/N/10	1	0	28/08/2012	29,000	
3	Portable Dissolved Oxygen Meter		BQ-03B/N/11	1	0	28/08/2012	12,500	
4	Portable PH/OHP Meter		BQ-03B/N/11	1	0	28/08/2012	7,500	

Sumber: Dokumen Kontrak/Gambar Jabatan Audit Negara

Jadual 3.6**Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi**

Bil.	Kerja	Pakej No.	BQ	Keadaan Fizikal		Tarikh Pengesahan Kerja Siap Oleh Juruperunding	Kos Dibayar Penuh (RM)	Gambar
				Keperluan	Dibekalkan			
1	Jambatan – <i>Hard Stand Guardrail</i>	1	BQ-02/J/9	Dicat Hitam Putih	Tidak Dicat	28/08/2012	17,200	3.26 – 3.29
2	<i>Heavy duty MS hinged grating, cast into concrete</i>	1	BQ-02/C/1	1,250 (Besi)	Ada yang dipasang simen konkrit	28/08/2012	687,500	3.30 – 3.31
3	<i>Cast Iron Step</i>	3	BQ-02B/C/8	7100	32	28/08/2012	106,500	3.32 – 3.33

Sumber: Dokumen Kontrak/Gambar Jabatan Audit Negara

Jadual 3.7**Kerja Tidak Dilaksana**

Bil.	Kerja	Pakej No.	BQ	Keadaan Fizikal		Tarikh Pengesahan Kerja Siap Oleh Juruperunding	Kos Dibayar Penuh (RM)	Gambar
				Keperluan	Dibekalkan			
1	STP - Jalan raya	2	BQ-03B/F/1	Road Markings	Tidak Ada Dibuat	28/08/2012	12,345	3.34 – 3.37

Sumber: Dokumen Kontrak/Gambar Jabatan Audit Negara

3.4.3.2. Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya penyeliaan dan pemantauan oleh pihak juru perunding terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Selain itu, pengesahan kerja bagi tujuan pembayaran tidak dibuat dengan teliti. Kelemahan ini boleh menjejaskan keselamatan pengguna serta kerugian kepada kerajaan.

Gambar 3.24
Contoh Writing Table Kurang Dibekalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sandakan Education Hub
Tarikh: 23 Oktober 2013

Gambar 3.25
Contoh Mobile Pedestal Drawer Kurang Dibekalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sandakan Education Hub
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.26
Hard Stand Guardrail Tidak Dicat Hitam Putih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 23 Oktober 2013

Gambar 3.27
Hard Stand Guardrail Telah Dicat Hitam Putih



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 12 Mac 2014

Gambar 3.28
Hard Stand Guardrail Tidak Dicat Hitam Putih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 23 Oktober 2013

Gambar 3.29
Hard Stand Guardrail Tidak Dicat Hitam Putih



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 12 Mac 2014

Gambar 3.30
Penutup Saliran Yang Menggunakan Besi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.31
Penutup Saliran Yang Menggunakan Simen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Sandakan Education Hub*
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.32
Tangga Yang Dipasang Tidak Mengikut Spesifikasi Seperti Gambar 3.33



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Drainage F – SEH*
Tarikh: 02 Oktober 2013

Gambar 3.33
Tangga Yang Sepatutnya Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Drainage I – SEH*
Tarikh: 02 Oktober 2013

Gambar 3.34
Jalan STP Tiada Road Marking



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *STP – SEH*
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.35
Road Marking Jalan STP Telah Dibuat



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *STP – SEH*
Tarikh: 14 Mac 2014

Gambar 3.36
Jalan STP Tiada Road Marking



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *STP – SEH*
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.37
Road Marking Jalan STP Telah Dibuat



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *STP – SEH*
Tarikh: 14 Mac 2014

3.4.3.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh pada 9 April 2014, peralatan yang kurang dan tidak dibekalkan telah dibekalkan sepenuhnya dan tindakan pembaikan telah diambil seperti di Gambar 3.27 hingga Gambar 3.37. Di samping itu, pihak JKR akan membuat pengesahan sebelum wang tahanan dikembalikan.

Pada pendapat Audit, kerja bagi pakej 1, 2, 3 dan bekalan air kurang memuaskan kerana terdapat kerja-kerja tidak dilaksanakan dan peralatan kurang dibekalkan.

3.4.4. Kemudahan Yang Disediakan Tidak Digunakan

3.4.4.1. Infrastruktur asas yang dirancang dan telah dibina hendaklah digunakan sewajarnya sebagaimana fungsinya dan tujuan pembinaannya. Semakan Audit mendapati kemudahan Infrastruktur asas yang dibina di SEH adalah untuk digunakan oleh 33 buah pusat dan institusi pendidikan yang didirikan dan dapat menampung pengguna sehingga 20,000 orang dalam satu masa.

3.4.4.2. Sehingga tarikh pengauditan, 3 buah institusi pendidikan telah beroperasi iaitu UMS kampus Sandakan, Politeknik Sandakan dan MRSM Sandakan. Hasil pemeriksaan fizikal Audit terhadap kemudahan infrastruktur asas yang dibina seperti paip air, sistem kumbahan dan peralatan kemudahan mendapati kemudahan tersebut tidak digunakan oleh ketiga-tiga institut tersebut kerana masing-masing mempunyai sistem paip air dan tangki air sendiri yang disambung terus dari paip air utama serta sistem kumbahan sendiri. Selain itu, rumah pekerja dan peralatan yang dibekalkan untuk *Laboratory and Office* dalam kawasan *Sewerage Treatment Plant (STP)* juga tidak digunakan. Kos projek bagi kemudahan ini berjumlah RM7.03 juta. Kemudahan asas dan peralatan operasi yang tidak digunakan adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Kemudahan Asas Dan Peralatan Operasi Yang Tidak Digunakan

Bil.	Pakej	Skop Kerja	Tarikh Siap	Keadaan Fizikal	Gambar	Kos Projek (RM)	
1.	2	Labour Quarters	28.8.12	Tiada penghuni	3.38 – 3.48	390,653	
		Laboratory and Office		Tidak beroperasi		188,246	
		Guard House				41,651	
		Laboratory Equipments				Tidak diguna	143,500
		Supply and fix Loose Furniture				Tidak diguna	63,588
2.	Bekalan Air	Kerja-kerja paip air	31.8.12	Belum diguna	3.45	6,200,000	
Jumlah Kos						7,027,638	

Sumber: SEDIA/JKR/Jabatan Air

Gambar 3.38
Labour Quarters Tidak Didiami



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Quarters* – SEH
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.39
Labour Office Tidak Beroperasi



Sumber: SEDIA
Lokasi: *Labour Office* – SEH
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.40
Makmal Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Office* – SEH
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.41
Peralatan Makmal Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Office* – SEH
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.42
Peralatan Makmal Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Office* – SEH
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.43
Pigeon Hole Dan Open Shelf Cabinet Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Office* – SEH
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.44
Plan Drawing Steel Cabinet Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Office* – SEH
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.45
Tangki Air Belum Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tangki Air – SEH
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 3.46
Perabot Rumah Pekerja Belum Digunakan Tetapi Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Quarters* – SEH
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.47
Perabot Rosak Telah Digantikan Baru



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Labour Quarters* – SEH
Tarikh: 14 Mac 2014

Gambar 3.48
Almari Belum Digunakan Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Labour Quarters* – SEH
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 3.49
Almari Rosak Telah Digantikan



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: *Labour Quarters* – SEH
Tarikh: 14 Mac 2014

3.4.4.3. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh perancangan dan koordinasi antara agensi seperti pihak UMS, Politeknik, MRSM dan pihak JKR serta pihak Jabatan Air tidak teratur sebelum proses awal pembinaan infrastruktur tersebut. Ini menyebabkan kemudahan infrastruktur yang dibina lewat dimanfaatkan.

3.4.4.4. Berdasarkan maklum balas bertarikh pada 9 April 2014, kemudahan asas telah digunakan dan paip air telah disambung oleh ketiga-tiga institusi tersebut. Selain itu, *Sewerage Treatment Plant* juga telah disambung oleh ketiga-tiga institusi berkenaan seperti di Gambar 3.50 hingga Gambar 3.52.

Gambar 3.50
Kerja Penyambungan Paip Pembentungan Dari Politeknik Ke
***Sewerage Treatment Plant* SEH Sedang Dijalankan**



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: Politeknik, Sandakan
Tarikh: 14 Mac 2014



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: Politeknik, Sandakan
Tarikh: 14 Mac 2014

Gambar 3.51
Kerja Penyambungan Paip Pembentungan Dari MRSM Ke
***Sewerage Treatment Plant* SEH Sedang Dijalankan**



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: MRSM, Sandakan
Tarikh: 14 Mac 2014



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: MRSM, Sandakan
Tarikh: 14 Mac 2014

Gambar 3.52
Kerja Penyambungan Paip Pembentungan Dari UMS Ke
Sewerage Treatment Plant SEH Sedang Dijalankan



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: UMS, Kampus Sandakan
Tarikh: 14 Mac 2014



Sumber: JKR Negeri Sabah/Kontraktor
Lokasi: UMS, Kampus Sandakan
Tarikh: 14 Mac 2014

Pada pendapat Audit, penggunaan kemudahan yang disediakan bagi pakej 2 dan bekalan air kurang memuaskan kerana kemudahan yang telah siap tidak digunakan oleh 3 pusat pendidikan yang telah beroperasi.

3.5. SYOR AUDIT

Pada umumnya, prestasi penyediaan infrastruktur asas SEH adalah memuaskan. Bagaimanapun, adalah disyorkan agar langkah segera diambil di masa hadapan oleh agensi pelaksana seperti berikut:

3.5.1. Memastikan semua kerja pembinaan disiapkan dan peralatan dibekalkan sepenuhnya seperti mana disenaraikan dalam *Bill Of Quantities*. Pengesahan siap kerja hendaklah dibuat dengan teliti sebelum pembayaran diluluskan.

3.5.2. Agensi Pemantau hendaklah membuat pemeriksaan di tapak bina untuk mengesahkan laporan kemajuan yang dikemukakan. Selain itu, mengambil tindakan supaya kontraktor membuat pembaikan dengan segera terhadap semua kecacatan, kekurangan dan kerosakan dalam tempoh kecacatan sebagaimana terma kontrak.

3.5.3. Memastikan koordinasi antara agensi dalam penyediaan perancangan kemudahan asas yang perlu dibangunkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI

4. PENGURUSAN CUKAI JUALAN MINYAK MENTAH KELAPA SAWIT

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Hasil utama Kerajaan Negeri Sabah terdiri daripada Cukai Jualan, Royalti Petroleum, Hasil Tanah, Hasil Hutan Dan Hasil Air. Kutipan Cukai Jualan merupakan sumber terbesar pendapatan Kerajaan Negeri Sabah. Kutipan cukai jualan terhadap minyak mentah kelapa sawit (CPO) merupakan penyumbang hasil tertinggi berjumlah RM3.4 bilion atau 92% daripada jumlah hasil cukai jualan untuk tempoh 3 tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM3.7 bilion.

4.1.2. Di bawah Jadual Kesepuluh, Bahagian V, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah diberi kuasa mengenakan cukai jualan Negeri sebagai salah satu sumber tambahan hasil Negeri. Bagi maksud tersebut, Kerajaan Negeri Sabah telahewartakan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 dan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999. Mengikut seksyen 3(1) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri dilantik sebagai Pengarah Cukai Jualan Negeri berkuatkuasa 3 Januari 2006. Pengarah Cukai Jualan Negeri mempunyai kuasa menentukan dan melaksanakan peruntukan dalam Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 dan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999 seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1

Peruntukan Perundangan Dalam Pengurusan Cukai Jualan Minyak Mentah Kelapa Sawit

Perundangan		Keterangan
Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998	Seksyen 10(1)	Setiap kilang mesti mendapatkan lesen bagi barangan yang dikenakan cukai jualan daripada Pejabat Cukai Jualan Negeri.
	Seksyen 12 – 15	Pemegang lesen perlu menghantar Penyata Jualan CPO (Borang 4) kepada Pejabat Cukai Jualan Negeri.
	Seksyen 16 – 18	Pelesen bertanggungjawab membayar cukai jualan mengikut tempoh, jika gagal boleh dikenakan penalti.
	Bahagian VIII	Menyatakan kesalahan-kesalahan dan pelanggaran syarat lesen cukai jualan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang.
Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999	Seksyen 6	Pelesen mesti menyediakan wang jaminan perlindungan hasil.
	Seksyen 7	Pelesen mesti mempamerkan lesen.
	Seksyen 8	PCJN berhak meminda dan membatalkan lesen cukai jualan negeri

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

4.1.3. Mengikut Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 1999, bermula 1 April 1999, kadar cukai jualan yang dikenakan terhadap CPO adalah sebanyak 7.5% daripada jualan isipadu (tan metrik) berdasarkan harga purata yang disiarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) tertakluk kepada harga purata CPO melebihi RM1,000.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai aktiviti kutipan cukai jualan minyak mentah kelapa sawit telah diurus mengikut perundangan dan peraturan yang ditetapkan serta dipantau sewajarnya bagi memastikan hasil dapat dikutip dan tidak berlaku ketirisan terhadap hasil utama Kerajaan Negeri.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan kutipan cukai jualan minyak mentah kelapa sawit oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan di Kementerian Kewangan Negeri Sabah (Kementerian) dan maklumat tambahan juga diperolehi daripada MPOB serta analisis dibuat terhadap data kutipan hasil cukai jualan minyak mentah kelapa sawit, menyemak rekod dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan juga dijalankan terhadap beberapa kilang minyak mentah kelapa sawit di daerah Lahad Datu, Tawau dan Keningau. Selain itu, temu bual bersama pegawai dan kakitangan yang terlibat serta bukti testimoni juga diperolehi bagi mendapatkan maklumat tambahan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 dan beberapa lawatan susulan mendapati, pengurusan lesen cukai jualan minyak mentah kelapa sawit telah dilaksanakan dengan baik kerana semua kilang kelapa sawit telah dilesenkan dan cukai jualan dapat dikutip. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dari segi kutipan cukai jualan dan pemantauan pelesenan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Penyata cukai jualan tidak ada dokumen sokongan.
- Maklumat jualan CPO berbeza dengan Penyata MPOB.
- Lesen dikeluarkan tanpa cagaran.
- Kilang beroperasi di lokasi berbeza dengan lesen.
- Program pemantauan pelesen tidak disediakan.

4.4.1. Prestasi Hasil Kutipan Cukai Jualan Minyak Mentah Kelapa Sawit

4.4.1.1. Hasil daripada cukai jualan terhadap minyak mentah kelapa sawit (CPO) menjadi penyumbang utama pendapatan Negeri Sabah sejak tahun 2004. Ini membolehkan Kerajaan Negeri merancang dan melaksanakan pengurusan dan pembangunan dengan teratur dan pesat bagi kesejahteraan rakyat.

4.4.1.2. Bagi tahun 2011 hingga 2013, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah menganggarkan kutipan hasil cukai jualan CPO sejumlah RM900 juta pada tahun 2011, sejumlah RM1,123 juta pada tahun 2012 dan RM1,050 juta pada tahun 2013. Analisis Audit terhadap anggaran tahunan dan rekod kutipan cukai jualan CPO mendapati, pendapatan sebenar pada tahun 2011 telah meningkat sejumlah RM462.32 juta atau 51.37%, menurun pada tahun 2012 sejumlah RM22.51 juta atau 2% dan pada tahun 2013, juga telah menurun sejumlah RM41.34 juta atau 3.9%. Analisis Audit selanjutnya mendapati, peningkatan hasil pada tahun 2011 adalah disebabkan kenaikan harga minyak mentah kelapa sawit melebihi RM3,500 se tan metrik. Manakala penurunan hasil pada tahun 2012 dan 2013 pula disebabkan penurunan harga antara RM2,300 hingga RM3,000 se tan metrik. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Anggaran Dan Hasil Sebenar Cukai Jualan Minyak Mentah Kelapa Sawit Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Tahun	Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Perbezaan	
			(RM Juta)	(%)
2011	900	1,362.32	462.32	51.37
2012	1,123	1,100.49	-22.51	-2.0
2013	1,050	1,008.66	-41.34	-3.9
Jumlah	3,073	3,471.47	398.47	45.47

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

4.4.2. Prestasi Pengeluaran Minyak Mentah Kelapa Sawit

4.4.2.1. Pada tahun 2013, keluasan ladang kelapa sawit termasuk pekebun kecil yang terdapat di Negeri Sabah adalah berjumlah 1.51 juta hektar. Manakala jumlah kilang kelapa sawit yang dilesenkan pula adalah sebanyak 125 buah. Analisis Audit terhadap pengeluaran CPO di Negeri Sabah mendapati dalam tempoh 2011 hingga 2013, jumlah pengeluarannya adalah sebanyak 16.89 juta tan metrik. Analisis selanjutnya mendapati, pengeluaran CPO pada tahun 2012 telah menurun sebanyak 0.4 juta tan metrik atau 7.1% berbanding tahun 2011. Manakala pada tahun 2013, pengeluaran CPO didapati telah meningkat sebanyak 0.83 juta tan metrik atau 15.9%. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Malaysian Palm Oil Board (MPOB), peningkatan pengeluaran CPO pada tahun 2013 adalah disebabkan peningkatan jumlah pengeluaran buah sawit matang dari ladang dan bilangan pekebun kecil. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3

Perbandingan Jumlah Pengeluaran Dan Bilangan Kilang Minyak Mentah Kelapa Sawit Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Tahun	Bilangan Kilang Memproses CPO	Jumlah Pengeluaran CPO (Juta Tan Metrik)	Perubahan	
			(Tan Metrik)	(%)
2011	124	5.62	-	-
2012	124	5.22	-0.4	-7.1
2013	125	6.05	0.83	15.9
Jumlah		16.89	0.43	8.8

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

4.4.2.2. Prestasi pengeluaran CPO turut memberi impak kepada hasil cukai jualan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, jumlah hasil sebenar yang diperolehi turut dipengaruhi oleh harga pasaran CPO. Sebagai contoh, walaupun pada tahun 2013 jumlah pengeluaran telah meningkat kepada 6.05 juta tan metrik namun hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri telah berkurangan kepada RM1,008.66 juta berbanding RM1,100.49 juta pada tahun 2012 disebabkan harga purata CPO telah menurun kepada RM2,300 se tan metrik.

Pada pendapat Audit, prestasi hasil kutipan cukai jualan berbanding pengeluaran CPO bagi tempoh 2011 hingga 2013 adalah memuaskan dengan mengambil kira harga purata pasaran minyak mentah sawit dunia.

4.4.3. Pungutan Cukai Jualan Minyak Mentah Kelapa Sawit


4.4.3.1. Pengurusan cukai jualan terhadap minyak mentah kelapa sawit dilaksanakan mengikut peruntukan perundangan dalam Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 (ECJN) dan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999 (PPCJN). Bahagian Kewangan Dan Ekonomi di bawah Kementerian Kewangan yang berfungsi sebagai Pejabat Cukai Jualan bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau aktiviti kutipan cukai jualan. Peranan Bahagian ini lebih tertumpu kepada mengurus aktiviti pelesenan, mengutip hasil cukai jualan dan pemantauan. Manakala pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan undang-undang serta peraturan dalam ECJN dan PPCJN dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Audit Dalaman Kementerian dikenali sebagai Unit Penguatkuasaan Cukai Jualan Negeri. Cukai jualan dikutip secara bulanan dengan menerima Penyata Cukai Jualan Negeri (Borang 4) daripada 92 pelesen (sehingga Disember 2013) dan amaun kena bayar akan diisytihar oleh Pengarah Cukai Jualan Negeri dalam Notis Taksiran (Borang 5). Bayaran diterima melalui cek atau terus secara elektronik (TT) ke Akaun Bendahari Negeri.

4.4.3.2. Pungutan hasil cukai jualan yang dilaksanakan oleh Pejabat Cukai Jualan Negeri diurus mengikut peruntukan dalam Bahagian V dan VI, ECJN merangkumi perkara berkaitan kewajipan menyimpan rekod, mengeluarkan invois, memberi penyata, taksiran cukai, pungutan cukai, membayar balik dan meremit. Peraturan-peraturan yang

ditetapkan bagi penyerahan penyata dan pembayaran cukai dalam Bahagian V, VI dan VII, PPCJN juga diguna pakai. Seksyen 14, ECJN dan seksyen 12 hingga 13, PPCJN menyatakan pelesen hendaklah menyerahkan suatu penyata (Borang 4) kepada Pengarah Cukai Jualan Negeri dalam tempoh 28 hari selepas tamat setiap satu tempoh yang kena dibayar cukai. Penyata ini perlu merekodkan amaun dan nilai jualan CPO bagi membolehkan taksiran dibuat (Borang 5). Pelesen dikehendaki membayar taksiran cukai tersebut dalam tempoh 28 hari dari tarikh tamat tempoh kena dibayar cukai. Mana-mana pelesen yang gagal atau lewat membayar cukai dari tempoh yang ditetapkan akan dikenakan penalti 10% hingga maksimum 50% sepertimana yang ditetapkan dalam seksyen 16 hingga 18, ECJN. Butiran lanjut mengenai proses taksiran dan pungutan cukai jualan CPO adalah seperti di **Carta 4.1**.

Carta 4.1

Carta Alir Proses Taksiran Dan Pengenaan Cukai Jualan CPO



Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

a. Penyata Cukai Jualan Tanpa Dokumen Sokongan

- i. Seksyen 14, ECJN dan seksyen 12, PPCJN menghendaki pelesen mengemukakan penyata (Borang 4) dalam tempoh 28 hari selepas tamat setiap satu tempoh yang kena dibayar cukai.
- ii. Semakan Audit terhadap rekod penyerahan Borang 4 mendapati, kesemua Borang 4 yang diterima tidak disertakan dengan Penyata Bulanan Kilang Kelapa Sawit - MPOB. Ini disebabkan tiada peruntukan undang-undang dalam ECJN yang menyatakan keperluan menyerahkan borang tersebut. Pelesen hanya menyatakan jumlah jualan CPO bulanan sahaja manakala pihak Kementerian menerima maklumat tersebut dan seterusnya membuat taksiran cukai jualan. Tanpa borang tersebut, taksiran cukai jualan tidak dapat dilaksanakan dengan tepat dan sewajarnya. Keadaan ini memberi kesan kepada kutipan hasil sebenar kerana kesahihan dan ketepatan penjualan CPO tidak dapat dipastikan.

b. Perbezaan Maklumat Jualan CPO Dengan Penyata MPOB

- i. Pelesen dikehendaki mengemukakan maklumat yang tepat mengenai penjualan CPO dalam Borang 4. Seksyen 31(d) dan (e) serta seksyen 32, ECJN menyatakan kesalahan dan penalti boleh dikenakan bagi maklumat atau penyata yang tidak betul.
- ii. Semakan Audit terhadap fail pelesen CPO dan Borang 4 mendapati, pada tahun 2013 sebanyak 5 daripada 30 pelesen telah mengisytiharkan angka yang berbeza dalam Borang 4 dengan Penyata Bulanan Kilang Kelapa Sawit yang dikemukakan kepada MPOB mengenai jumlah jualan CPO. Perbezaan ini perlu disiasat dan sekiranya perlu, pelarasan hendaklah dibuat terhadap pengisytiharan CPO. Semakan Audit selanjutnya mendapati, perbezaan jumlah jualan CPO yang diisytiharkan adalah sebanyak 16,978.49 tan metrik melibatkan anggaran cukai berjumlah RM2.95 juta. Perbezaan perisytiharan penjualan CPO adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4

Contoh Perbezaan Maklumat Jualan CPO Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2013

Bil.	Pelesen	Jualan CPO Jan - Dis 2013 (Tan Metrik)		Perbezaan (Tan Metrik)	Cukai Kurang Bayar * (RM)
		Borang 4	Penyata MPOB		
1.	Pelesen I	62,815.57	64,304.67	1,489.10	262,120
2.	Pelesen II	83,077.25	97,946.47	14,869.22	2,584,304
3.	Pelesen III	44,919.75	45,088.81	169.06	28,404
4.	Pelesen IV	52,226.72	52,491.84	265.12	45,560
5.	Pelesen V	58,171.09	58,357.08	185.99	31,320
Jumlah		301,210.38	318,188.87	16,978.49	2,951,708

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan MPOB

*Berdasarkan harga purata bulanan yang dikeluarkan oleh MPOB

iii. Berdasarkan maklum balas sehingga 4 Jun 2014, Kementerian Kewangan Negeri Sabah menyatakan cukai dipungut setiap bulan. Oleh itu, syarikat perlu membuat penilaian sendiri terhadap jumlah jualan yang dijangka dijual pada bulan tersebut. Sekiranya terdapat perbezaan jumlah yang diisytiharkan, maka syarikat tersebut perlu membuat penyesuaian pada penghujung tahun. Bagi tujuan tersebut, pemeriksaan berterusan setiap kilang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 tahun sentiasa dijalankan oleh Unit Audit Dalam Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk mengesahkan sekiranya terdapat kes-kes cukai kurang dibayar. Selain itu, Unit Audit Dalam Kementerian Kewangan Negeri Sabah juga telah menjalankan siasatan terhadap perbezaan pengisytiharan antara Borang 4 dengan Penyata MPOB (EL) MF 4 di kilang pelesen I dan pelesen II. Hasil penyiasatan tersebut mendapati hanya 1,306.37 tan metrik sahaja belum diisytihar oleh syarikat berkenaan. Bagi menambah baik sistem cukai dan pengurusan cukai jualan serta dilaksanakan secara telus dan bertanggungjawab. Kementerian Kewangan negeri Sabah telah mengambil langkah berikut:

- Melantik Tetuan Ernst & Young pada 18 Januari 2012 untuk menjalankan kajian menambah baik keseluruhan sistem cukai jualan termasuk cukai jualan CPO di Negeri Sabah. Laporan lengkap tersebut akan dikeluarkan pada 6 Jun 2014;
- Menubuhkan Jawatankuasa Cukai Jualan Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Cukai Jualan Negeri, ahlinya terdiri daripada semua Setiausaha Tetap Kementerian; dan
- Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Cukai Jualan yang dianggotai oleh Peguam Besar Negeri Sabah, Bendahari Negeri Sabah, Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah dan Unit Audit Dalam Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Pada pendapat Audit, tatacara pungutan hasil oleh Kementerian perlu dimantapkan bagi memastikan pengisytiharan jualan CPO adalah teratur.

4.4.4. Pengurusan Lesen

4.4.4.1. Peruntukan perundangan mengenai pelesenan orang yang kena membayar cukai termasuklah berkaitan permohonan, pengeluaran dan pembatalan lesen ada terkandung dalam seksyen 9 hingga 11, Bahagian IV, ECJN. Seksyen 10(1), ECJN menyatakan setiap orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan

barang-barang yang kena dibayar cukai yang disebut dalam Seksyen 4 (minyak mentah kelapa sawit) hendaklah membuat permohonan untuk mendapatkan suatu lesen dan tertakluk kepada seksyen 11, seseorang tidak boleh menjalankan mana-mana perniagaan melainkan memiliki lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2). Permohonan bagi mendapatkan lesen tersebut hendaklah dibuat melalui Borang 1 sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Pertama, Peraturan 4(1), PPCJN. Borang 2 (lesen) akan dikeluarkan setelah permohonan diluluskan.

a. Lesen Dikeluarkan Tanpa Cagaran

- i. Seksyen 10(3), ECJN dan seksyen 6(1), PPCJN boleh menghendaki pemohon lesen memberi cagaran atau mengemukakan jaminan sebagai perlindungan hasil dalam bentuk deposit tunai, gerenti daripada bank berlesen atau apa-apa bentuk jaminan lain melalui notis dalam Borang 3. Jaminan tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh tidak kurang 14 hari dari tarikh notis dihantar.
- ii. Semakan Audit terhadap daftar pelesen cukai jualan CPO sehingga Disember 2013 mendapati, kesemua 92 pelesen berdaftar tidak dikenakan sebarang cagaran atau wang jaminan. Ini disebabkan pihak Kementerian tidak melaksanakan perkara tersebut sepertimana yang dikehendaki dalam enakmen dan peraturan. Tanpa wang cagaran, Kementerian tidak boleh mengambil tindakan terhadap pelesen yang gagal mematuhi syarat lesen sebagai contoh terhadap 5 pelesen yang kurang membayar cukai jualan. Keadaan ini menyebabkan ketirisan hasil Kerajaan Negeri.
- iii. **Berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan Negeri Sabah bertarikh 16 Mei 2014, pematuhan kepada kutipan cukai jualan CPO oleh pelesen adalah memuaskan maka itu tiada keperluan mendesak untuk mengenakan cagaran kepada pemohon lesen pada ketika ini.**

b. Maklumat Lokasi Lesen Tidak Berdasarkan Lokasi Kilang

- i. Mengikut seksyen 10(4) ECJN, pelesen dikehendaki menjalankan perniagaan hanya di tempat atau premis yang dinyatakan dalam lesen. Manakala seksyen 8(d) PPCJN menyatakan jika terdapat perubahan pada nama tempat utama perniagaan, pelesen dikehendaki menyerahkan lesen tersebut untuk dipinda atau dibatalkan.
- ii. Hasil pemeriksaan Audit di 30 buah kilang CPO di daerah Keningau, Tawau, dan Lahad Datu mendapati, kesemua pelesen yang dilawati beroperasi di lokasi yang berlainan daripada yang dinyatakan dalam lesen. Keadaan ini berlaku disebabkan pihak Kementerian mendaftarkan alamat pejabat pengurusan sebagai lokasi operasi dan tidak menggunakan lokasi kilang sepertimana yang

dilaksanakan oleh MPOB dalam pengeluaran lesennya. Keadaan ini menyebabkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan sukar mengesan lokasi kilang pelesen.

- iii. **Berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan Negeri Sabah bertarikh 16 Mei 2014, pengeluaran lesen kepada syarikat adalah mengikut alamat yang diberikan semasa permohonan. Syarikat juga diwajibkan menyatakan kilang yang diwakili beserta alamat kilang tersebut dalam daftar pelesen CPO yang diselenggara oleh Kementerian Kewangan dan sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa. Selain itu, Kementerian dan juga Unit Audit Dalam Kementerian tidak menghadapi sebarang masalah semasa menjalankan pemeriksaan terhadap kilang-kilang tersebut.**

Pada pendapat Audit, kaedah pengurusan lesen yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengenaan wang cagaran perlu dikaji mengikut keperluan dan daftar pelesen hendaklah sentiasa dikemaskini.

4.4.5. Pemantauan Dan Penguatkuasaan

4.4.5.1. Seksyen 3, ECJN menyatakan mengenai pelantikan dan tanggungjawab Pengarah dan pegawai cukai jualan Negeri bagi melaksanakan peruntukan perundangan yang dinyatakan dalam Enakmen tersebut. Tanggungjawab yang diberi termasuklah pemantauan terhadap pematuan syarat pelesenan dan penguatkuasaan peruntukan ECJN. Peraturan berkenaan syarat pelesenan yang wajib dipatuhi oleh pelesen ada dinyatakan di seksyen 4 hingga 8, Bahagian III, PPCJN. Manakala Bahagian VII, ECJN menyatakan kuasa yang diberi kepada pegawai cukai jualan Negeri untuk memeriksa, menggeledah, mengambil, menangkap dan mengenakan denda terhadap pelesen-pelesen yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian VIII. Bahagian IX dan X pula menetapkan peruntukan mengenai pendakwaan dan pembicaraan.

4.4.5.2. Seksyen 3(4) ECJN menyatakan Pengarah boleh mewakilkan kuasa dengan syarat dan had tertentu bagi melaksanakan kuasa dan tanggungjawab yang dinyatakan dalam ECJN. Bagi maksud tersebut, Pengarah Cukai Jualan Negeri telah melantik 6 orang pegawai dari Bahagian Audit Dalam Kementerian bagi melaksanakan tugas pemantauan dan penguatkuasaan mengikut peruntukan Bahagian VII, Seksyen 25 hingga 30 dalam ECJN.

4.4.5.3. Semakan Audit mendapati, pada bagi tempoh 2011 hingga 2013 Bahagian Audit Dalam Kementerian hanya menjalankan pemeriksaan terhadap 36 daripada 125 buah kilang kelapa sawit yang terdapat di Negeri Sabah. Ini disebabkan Bahagian ini menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan perancangan tahunan pemeriksaan yang disediakan hanya berdasarkan keutamaan dan arahan dari semasa ke semasa.

Keadaan ini menyebabkan kebanyakan kilang tidak dapat dilawati dan diperiksa seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Bilangan Pemeriksaan Ke Kilang CPO
Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Tahun	Jumlah Kilang	Diperiksa	Belum Diperiksa	
			Bil.	(%)
2011	124	2	122	98
2012	124	11	113	91
2013	125	23	102	82
Jumlah		36	337	271

Sumber: Bahagian Audit Dalam, Kementerian Kewangan Sabah

4.4.5.4. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati, pemantauan yang dijalankan terhadap kilang kelapa sawit hanya tertumpu kepada pengesahan ketepatan cukai jualan sahaja. Keadaan ini menyebabkan pemantauan terhadap pematuhan syarat dan peraturan pelesenan seperti pemeriksaan invois, rekod dan penyata tidak dilaksanakan dengan sewajarnya. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Mei 2014, pihak Kementerian Kewangan Negeri Sabah sentiasa menambah baik ke atas pengurusan cukai jualan Kerajaan Negeri dan usaha-usaha tersebut melibatkan proses yang berterusan sehingga ianya dapat dimantapkan.**

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan kutipan cukai jualan minyak mentah kelapa sawit, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan Negeri Sabah (Kementerian) mengkaji semula kaedah pengurusan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti Cukai Jualan Negeri supaya tahap pengurusannya dapat dipertingkatkan.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah pengesahan kerja yang kurang teliti, komunikasi dan kordinasi antara agensi, sumber kewangan terhad, kekurangan kelengkapan, kemudahan yang tidak digunakan, projek lewat disiapkan dan tindakan pembaikan lewat dibuat. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan diambil tindakan pembetulan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

3 Mei 2014

